

Jilid I
Bil. 27



Hari Rabu
12hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3745]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1 hingga B.12 [Ruangan 3781]

Maksud B.13 [Ruangan 3863]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 3781]

Maksud P.13 [Ruangan 3863]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua TAN SRI DATO MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.,
P.I.S. (KubangPasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara
dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M.
(Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR
SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TuAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan),
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S, B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WNG A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI
DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL.
D.P.M.S., S.M.s., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK
KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN
RAJASULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN
PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUANONGTINKIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan
Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA
(Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K.
(Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit
Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- TUAN LIM SIANG (Tanjong).
- PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

- Yang Berhormat DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUANNASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
DATO' ZAINALABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B.-Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parllmen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 12hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KADI DAERAH—KURSUS
RUNDINGCARA**

1. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memberikan kursus-kursus Rundingcara kepada Kadi-kadi Daerah khususnya dalam bidang menyelesaikan masalah rumahtangga orang-orang Islam di negara ini. Jika ya, apakah program tersebut akan dimulakan dan jika tidak, kenapa.

Menteri Kebajikan Masyarakat (**Dato Shahrir bin Abdul Samad**); Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah tidak dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Kadi-kadi tersebut adalah kakitangan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing dan saya difahamkan bahawa mereka sudah pun terlatih dan mempunyai kemahiran dalam bidang menyelesaikan masalah rumahtangga orang-orang Islam,

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa suri-suri rumah memerlukan khidmat nasihat

mengenai masalah-masalah rumahtangga yang tidak tenteram. Soalannya, sejauh mana perkhidmatan seumpama itu dapat diberikan oleh Kementerian Yang Berhormat?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang asal ialah mengenai dengan peranan Kadi-kadi dalam soal rundingcara dan memberi nasihat kepada rumahtangga untuk menyelesaikan masalah rumahtangga, tetapi bagi memberikan penjelasan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, kalaulah masalah itu memerlukan bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memanglah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai pegawai-pegawai Kebajikan yang terlatih dalam bidang rundingcara (counselling) dan juga boleh memberikan nasihat apabila diperlukan dalam masalah-masalah yang mereka hadapi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan James Jimbun anak Pungga.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan James Jimbun anak Pungga tidak hadir)

ISU ANTARTIKA

3. **Tuan Zublr bin Embong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Malaysia begitu bersungguh memperjuangkan isu Antartika di peringkat politik antarabangsa dan

apakah keuntungan politik kepada Malaysia untuk jangka masa yang pendek dan panjang.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, isu Antartika telah dibangkitkan pertama kalinya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sesi ke 37 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan September, 1982. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil perhatian yang berat ke atas Antartika supaya benua ini dijadikan warisan bersama manusia atau, dengan izin, common heritage of mankind, di mana pengurusannya seharusnya tidak dihadkan kepada sekumpulan kecil negara-negara sahaja yang dikenali sebagai Antartica Treaty Consultative Parties, dengan izin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa sumber-sumber Antartika yang mungkin dieksploitasikan sepatutnya membawa faedah kepada semua negara dan tidak dihadkan kepada negara-negara tersebut sahaja.

Matlamat Malaysia dalam isu Antartika adalah untuk mencapai tiga perkara yang penting:

Pertamanya, adalah tanggungjawab (accountability), iaitu negara-negara ATCP tadi harus melaporkan perkembangan-perkembangan dalam pengurusan Antartika kepada ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Keduanya, penyertaan (involvement) iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu harus terlibat dalam semua penyelidikan dan pengurusan Benua Antartika.

Ketiganya, keadilan (equity) iaitu hasil daripada sumber-sumber alam yang terdapat di Benua Antartika

harus dinikmati oleh semua negara-negara ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu.

Kerajaan Malaysia mempercayai bahawa isu Antartika merupakan salah satu isu yang tidak boleh diketepikan. Soal yang hendak diperjuangkan adalah agar benua yang merangkumi 1/5 permukaan dunia ini terpelihara dari segi keselamatan, keamanan dan alam sekitar. Jika satu peraturan antarabangsa yang digubal dan diterima oleh semua masyarakat antarabangsa tidak diwujudkan, pertikaian mungkin berlaku yang akan menggugat keselamatan dan keamanan dunia. Usaha mengeksploitasikan hasil kekayaan semula jadi Antartika secara yang tidak terkawal juga boleh mendatangkan akibat-akibat buruk terhadap hidupan-hidupan liar dan iklim dunia.

Untuk makluman, sejak Malaysia bergiat dalam isu ini sistem Triti Antartika telah menjadi lebih terbuka dan responsif kepada teguran masyarakat antarabangsa. Semenjak Triti Antartika dikuatkuasakan pada tahun 1961, negara-negara Non-Consultative Parties, pada tahun 1983 iaitu setahun selepas Malaysia membangkitkan isu ini, telah untuk pertama kalinya dijemput untuk menghadiri mesyuarat dua tahunan ATCP. Perkembangan-perkembangan seperti ini telah menggalakkan lagi Kerajaan Malaysia memperjuangkan isu ini. Kejayaannya sudah tentulah akan meningkat dari masa ke semasa dan pada amnya dunia sudah memang mengiktiraf tentang keiklaskan kita.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sebenarnya sedar akan potensi kekayaan sumber alam Antartika dan juga faktor-faktor lain berkaitan dengan keselamatan dan sebagainya. Saya juga sedar sejak kita membawa

perkara ini di sesi ke 37 tahun 1982 ada perkembangan yang agak baik berlaku di dalam Consultative Parties ataupun Kumpulan Konsultatif itu dan sebagaimana berkata oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Parties ini sudah menunjukkan sikap yang responsif, tetapi saya ingin tahu sekiranya Consultative Parties atau ATCP ini hanya menunjukkan sikap yang responsif tetapi tidak membuat sesuatu yang positif terhadap tuntutan kita ini, apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang kita fikirkan atau yang kita rancangkan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, tindakan-tindakan ATCP members tadi ini bukan sahaja responsive tetapi sudah pun mula menunjukkan bahawa mereka positif, iaitu mereka sekarang sudah pun mula menjemput ahli-ahli yang menjadi non-consultative members untuk menghadiri mesyuarat penuh ATCP ini. Inipun satu perkembangan yang cukup sihat, malahan tiap-tiap tahun kita dapati apabila kita hendak kemukakan usul ini di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kedudukan kita dan juga bersama-sama dengan negara yang berpuluh-puluh yang lain yang menjadi co-sponsors usul ini dengan kedudukan ATCP members ini, jurangnya sudah pun berdekatan—bermakna kejayaan ini sudah pun ternampak setahun demi setahun.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau mengatakan bahawa hasil kekayaan Antartika ini dinikmati oleh negara-negara yang menjadi ahli ATCP, Jadi saya ingin tahu bolehkah Timbalan Menteri memberitahu apakah negara-negara yang berkenaan dan apakah syarat-syarat untuk menyertai perjanjian ATCP ini dan sama ada negara kita Malaysia

bercadang untuk menyertai perjanjian (treaty) Yang Berhormat sebutkan tadi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kekayaan yang boleh diperolehi di benua itu adalah sedikit oleh sebab berbagai-bagai masalah teknikal harus dihadapi, tetapi potensinya ada. Kalau sekarang kita membebaskan negara-negara ATCP ini seperti sekarang ini, maka sudah tentulah apabila teknologi maju kemudian, maka segala faedah dari benua itu akan diperolehi oleh negara-negara itu sahaja. Tetapi sebelum perkara sumber alam di sana boleh dieksploitkan, maka itulah sebabnya kita hendak memperbetulkan pengurusan supaya tidak akan menjadi satu ancaman kepada dunia.

Sebagaimana kita tahu, syarat-syarat untuk hendak menjadi ahli ATCP adalah sangat berat, misalnya sesebuah negara itu harus mengadakan satu experimental station di benua tersebut dan sebagainya, tetapi kita memang tidak berminat untuk menjadi ahli ATCP kerana kita berpendirian bahawa benua itu harus dijadikan warisan bersama manusia.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyaknya perbelanjaan Kerajaan telah membiayai untuk melaksanakan kempen ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbelanjaan, saya rasa adalah minimal sekali, oleh sebab perjuangan untuk isu ini banyak dijalankan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pada tiap-tiap tahun sekarang ini usul ini bukan sahaja dikemukakan oleh Malaysia, tetapi telah pun menjadi co-sponsorsnya satu angka yang besar, hampir 40 ahli, kalau tak salah saya. Jadi semua negara-negara

yang menjadi co-group atau co-sponsors ini sama-sama memperjuangkan isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Othman bin Abdul.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon pindaan kepada line ke 4, bukan "Menterimenteri", tetapi "Menteri Pelajaran" yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 4.

PELAJARAN QURAN TAJUID

4. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pelajaran menyatakan sudahkah Kementerian menjalankan kajian bagi memperbaiki sistem pelajaran Quran Tajuid yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pelajaran tahun lalu. Kalau sudah apakah perkembangannya. Kalau belum bilakah kajian ini akan dibuat demi untuk memperbaiki pelajaran Quran Tajuid itu. Adakah Kementerian bercadang untuk mengambil kelas Quran Tajuid ini. Kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum lagi menjalankan kajian bagi memperbaiki sistem pelajaran Quran Tajuid seperti yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah menjalankan Kursus Tajuid dan Tartil bagi guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah di bawah Kementerian Pelajaran dengan tujuan, antara lain, memperbaiki sistem pembelajaran dan pengajaran Quran Tajuid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengambil kelas Quran Tajuid ini

kerana pelajaran tersebut telah pun ada dalam Sukatan Pendidikan Islam KBSR.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada soalan, garis yang ketiga, perkataan "IMP" diganti kepada "IMF".

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke5.

PINJAMAN DARI INSTITUSI KEWANGAN ANTARABANGSA

5. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan senarai projek-projek yang tidak kurang daripada 10 juta ringgit Malaysia yang dibiayai dengan bantuan (aid) dan pinjaman dari Bank Dunia, Asian Development Bank, IMF, United Nations dan Badan-badan Kewangan dunia yang lain dan nilai projek-projek tersebut satu persatu semenjak tahun 1980 hingga setakat ini. Nyatakan kesan dalam memperbaiki taraf sosio-ekonomi dan politik rakyat Malaysia di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1980, pinjaman sebanyak \$7,881 juta telah diperolehi daripada Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Institusi-institusi Kewangan Antarabangsa yang lain untuk membiayai sebanyak 77 projek pembangunan. Projek-projek tersebut melibatkan jumlah kos sebanyak \$20,413 juta.

Projek-projek ini telah memberi kesan yang positif kepada pembangunan sosio-ekonomi serta politik rakyat di negara kita ini. Ini dapat dilihat daripada projek-projek yang telah dilaksanakan yang mana sebahagian besarnya adalah untuk

pembangunan pertanian dan infrastruktur yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat negara. Di bawah ini diperturunkan nilai pinjaman yang diluluskan mengikut sektor:

Sektor	Projek	projek	Pinjaman
Pertanian	22	5,035.76	1,980.80
Perkilangan	1	23390	11722
Elektrik/Gas/ Air	15	7,625.49	2,717.32
Pengangkutan/ Perhubungan	22	4,933.51	1,836.63
Pertahanan	8	390.42	384.00
Pelajaran/ Kesihatan	8	2,044.49	800.59
Lain-lain	1	149.20	44.76
JUMLAH	77	20,412.77	7,881.26

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman sebanyak \$7,881 juta tersebut tadi diperolehi dari sumber-sumber berikut:

Bank Dunia	— \$1,752.92 juta
Bank Peman- gunaan Asia	— \$1,310.9 juta
Dua-Hala	— \$3,674.46 juta
Kredit Pembed- kal	— \$1,142.98 juta

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkenaan telah meminta saya mengemukakan satu persatu nilai projek-projek yang dilaksanakan semenjak tahun 1980. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa sekiranya saya dikehendaki menyatakan satu persatu nilai dan pinjaman bagi kesemua 77 projek tersebut, barangkali ianya akan memakan masa yang agak panjang. Maka itu, saya tidak bercadang untuk berbuat demikian. Walaupun demikian, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat masih berkehendakkan senarai berkenaan, saya akan beri secara bertulis.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan bantuan yang telah pun diberi oleh institusi-institusi kewangan yang berkenaan kepada negara kita sama ada bantuan itu diberi dengan tidak mengadakan sekatan-sekatan kepada kita iaitu, dengan izin, freely given, memandangkan nobody in the world will give you a free lunch. Jadi, saya ingin tahu jikalau ada sekatan-sekatan ataupun, dengan izin, strings attached, apakah response Kerajaan terhadap bantuan-bantuan tersebut?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, nobody will give you a free money either.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dengan izin, boleh, Yang Berhormat (*Ketawa*).

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali harus kita ambil ingatan bahawa bagi membina 77 projek ini bukan semua perbelanjaan datang daripada wang yang dipinjam melalui institusi-institusi kewangan ini. Saya telah nyatakan tadi kos projek biasanya jauh lebih tinggi daripada nilai pinjaman. Ertinya pinjaman ini merupakan sebahagian sahaja daripada kos bagi satu-satu projek itu dan wang yang dipinjam ini khusus bagi projek-projek berkenaan sahaja. Jadi, kalau kita memohon satu-satu pinjaman untuk satu-satu projek, maka untuk projek itu sahajalah. Kemudian kalau sekiranya projek berkenaan diperlukan kita membangunkan melalui tender dan sebagainya, terutama kalau sekiranya projek itu dibiayai sebahagian daripadanya oleh wang pinjaman ini, kita terpaksa meneliti tender itu dengan teliti. Pertamanya ia harus dibukakan kepada international tendering, kemudian sudah tentu kita terpaksa memilih yang paling terendah

supaya tidak dituduh memilih yang berjaya di atas dasar pilih kasih dan sebagainya. Selain daripada itu, kita perlu bayar balik mengikut perjanjian, tetapi pada kebiasaannya pinjaman ini diberi dengan kadar faedah yang lebih rendah daripada pinjaman pasaran terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Adakah soalan?

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Ada soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh sebab pinjaman-pinjaman yang disebutkan tadi datangnya daripada berbagai-bagai institusi kewangan, apakah kos pinjaman dari segi faedah yang dikenakan daripada institusi-institusi kewangan yang berlainan ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi syarat-syarat yang dikenakan tempoh penangguhan bayaran balik, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi tempoh-tempoh penangguhan bayaran balik kepada institusi-institusi kewangan ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya seperti saya katakan tadi kadar faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan ini lebih rendah daripada pasaran terbuka, tetapi tidak ada satu kadar yang tetap, ada perbezaan di antara 2% hingga 5% bergantung dari satu pinjaman kepada satu pinjaman yang lain.

Berkenaan dengan penangguhan pembayaran, saya kira yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah ialah mengenai, dengan izin, grace period sebelum dibayar. Ini juga ada perbezaan dari projek ke projek. Biasanya projek

yang besar kita dapat grace period, dengan izin, yang lebih lama daripada projek-projek yang kecil. Jadi, tidak ada satu waktu tertentu yang ditetapkan. Selain daripada itu, ia juga bergantung kepada keupayaan kita membuat negotiations, dengan izin, dengan institusi-institusi yang berkenaan mengenai tiap-tiap pinjaman yang kita buat.

JALANRAYA DI SABAH— PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

6. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah peruntukan setiap tahun untuk pembangunan dan penyelenggaraan jalan-jalanraya di Sabah bagi tempoh 1983 hingga 1986 (berakhir 30-9-1986).

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan bagi membina jalan-jalan di negeri Sabah dari tahun 1983 hingga 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1983.. ..	\$ 74.0 juta
1984.. ..	\$ 56.3 ..
1985.. ..	\$ 44.7 ..
1986.. ..	\$110.0 ..

Manakala peruntukan penyelenggaraan jalan pula, dari tahun 1983 hingga 1985 tidak disediakan peruntukan khusus kerana peruntukan itu diambil daripada peruntukan pembangunan. Pada tahun 1986 peruntukan penyelenggaraan adalah sebanyak \$22 juta dan akan digunakan bagi menyelenggarakan jalan-jalan yang telah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan peruntukan jalanraya-jalanraya. Saya ingin tahu

daripada Yang Berhormat Menteri, adakah peruntukan itu termasuk dalam peruntukan untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia ataupun peruntukan terus kepada Kementerian?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang kita sediakan ialah kepada Jabatan Kerjaraya. Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak ada apa-apa atau kuasa di negeri Sabah sekarang.

BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN—PENCAPAIAN

7. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memperincikan satu persatu jumlah peratus pencapaian bumiputera dalam semua bidang perniagaan dan perindustrian setakat ini. Apakah langkah agresif Kerajaan bagi memastikan penyertaan bumiputera dalam setiap bidang perniagaan dan perindustrian mencapai tahap 30% dalam tahun 1990. Apakah halangan-halangan yang membantut penyertaan bumiputera dalam berbagai perniagaan dan perindustrian. Apakah kerana kelemahan pengurusan atau sikap tamak bumiputera semata-mata seperti tuduhan setengah pihak atau kerana kelemahan pelaksanaan, peraturan-peraturan, "red-tape", pilih kasih, sikap pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab atau tidak cukup pertolongan dari Kerajaan, memandangkan bumiputera dari segi sejarah dan tradisinya, mempunyai banyak kekurangan dan belum mampu bersaing dengan golongan yang sudah "wujud" begitu lama dalam berbagai perniagaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1981-1985, penyertaan bumiputera dalam sektor

industri pembuatan dari segi pekerjaan, hakmilik dan keusahawanan telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan. Jumlah pekerjaan yang diisi oleh bumiputera daripada jumlah pekerjaan sektor pembuatan meningkat daripada 40.1% pada tahun 1980 kepada 42.6% pada tahun 1985.

Dari segi pemilikan pula, projek-projek yang diusahakan oleh bumiputera adalah sebanyak 627 projek. Ini merupakan 27.5% daripada jumlah projek perindustrian yang telah diluluskan dan melibatkan pelaburan berjumlah \$3,831 juta atau kira-kira 16.1% daripada jumlah pelaburan keseluruhannya bagi tempoh 1981-1985.

Dalam bidang pengedaran barang-barang pembuatan bumiputera telah dapat mengedar berbagai jenis keluaran tempatan. Penyertaan bumiputera dalam bidang ini adalah sangat menggalakkan, misalnya cat 48.25%, sanitary ware 48.68%, simen 42.54%, kereta motor 37.94%, pam minyak 31.75%, gelas 27.27% dan rokok 26.44%.

Halangan-halangan yang sering dihadapi oleh bumiputera ialah:

- (i) kekurangan pengalaman;
- (ii) pengurusan yang lemah;
- (iii) modal perniagaan yang terbatas; dan
- (iv) pengetahuan teknik dan teknologi yang terhad.

Untuk memastikan penyertaan bumiputera dalam sektor pembuatan mencapai tahap 30% dalam tahun 1990, Kerajaan akan terus mengadakan program-program untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam sektor ini menerusi agensi-agensi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad (P.N.B.), Perbadanan Kemajuan

Ekonomi Negeri, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), MARA dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Kerajaan juga akan terus memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) latihan keusahawanan;
- (ii) peningkatan produktiviti;
- (iii) bimbingan pemasaran;
- (iv) khidmat nasihat dan perundingan dari segi teknikal dan teknologi;
- (v) mengemaskinikan peraturan-peraturan pentadbiran Kerajaan.

Kementerian saya sentiasa mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pengeluar atau pengilang-pengilang khusus untuk mencari peluang-peluang baru dari segi pendedaran terutamanya di kawasan-kawasan di mana pasaran telah diperbesarkan atau bertambah. Kementerian saya sentiasa bekerja rapat dengan Dewan Perniagaan Melayu, Kerajaan-kerajaan Negeri, MARA dan lain-lain agensi Kerajaan bagi menggalak lebih banyak penyertaan bumiputera dalam bidang pendedaran.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan penyertaan bumiputera di lapangan perdagangan dan perindustrian, bolehkah Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi penjelasan atas apa caranya untuk kira-mengira peratus itu yang dapat disertai oleh bumiputera?

Kedua, adakah cara kira-kira itu termasuk syarikat-syarikat Kerajaan, anak-anak syarikat Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun dan juga boleh memberi penjelasan siapakah yang dapat lebih manfaat daripada golongan orang bumiputera, daripada kelas atasan, kelas sederhana atau kelas ke bawahnya? Dan bolehkah Menteri

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah tiga, Yang Berhormat, sudah banyak.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang dinyatakan oleh saya tadi dan juga oleh mana-mana anggota Kerajaan adalah terbit daripada kumpulan statistik yang memang disimpan oleh pejabat-pejabat Kerajaan dan berdasarkan kepada itulah dapat kita nyatakan berapakah peratus yang telah dicapai dalam sesuatu bidang mengenai penyertaan bumiputera ataupun bukan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Ada kalanya angka-angka ini mengambil kira juga penyertaan Badan-badan Berkanun ataupun agensi-agensi amanah Kerajaan yang diamanahkan khas untuk menjalankan sesuatu tugas bagi pihak bumiputera, Ada kalanya penyertaan pihak agensi Kerajaan melebihi penyertaan bumiputera secara bersendirian, tetapi angka-angka yang telah saya maklumkan sekejap tadi terdiri daripada statistik yang dikumpulkan hasil daripada penyertaan bumiputera tersendiri dalam bidang-bidang yang khusus yang saya sebutkan tadi.

Kalau hendak cari salah memang senangnya sebab itu tugas pihak Pembangkang, dia sengaja hendak bezakan di antara pihak atasan dan pihak bawahan. Dia tidak suka duduk atas, dia duduk bawah kadangkala, tetapi suka saya nyatakan di sini kita tidak mengadakan dasar yang membeza di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain dalam amalan kita hendak memajukan kaum bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan. Bidang ini memang terbuka luas kepada sesiapa juga yang mampu dan berkeupayaan menjalankan jenis-jenis perniagaan dan perindustrian yang mereka fikir

mereka boleh mencapai kejayaan. Jadi tidak dapat saya nyatakan di sini sama ada ini memberi faedah kepada golongan atasan ataupun bawahan kerana tujuan kita bukan untuk memilih mana-mana satu golongan tetapi ianya adalah terbuka kepada semua bumiputera yang mempunyai inspirasi untuk berniaga.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan asal Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi beliau menyatakan kelemahan bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perindustrian ialah disebabkan oleh 4 faktor iaitu:

- (1) kelemahan dalam pengalaman ataupun kekurangan pengalaman;
- (2) kelemahan pengurusan;
- (3) kekurangan modal; dan
- (4) pencapaian rendah di dalam teknologi.

Memandangkan faktor-faktor kelemahan ini sudah begitu lama wujudnya dan faktor-faktor ini telah diperkatakan, over the years, dengan izin, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang betul-betul berkesan yang sedang ataupun yang akan diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengatasi 4 faktor kelemahan ini supaya 4 faktor ini tidak menjadi lagi faktor kelemahan yang terus timbul pada masa akan datang berkaitan dengan prestasi niaga bumiputera?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, 4 faktor yang saya sebut itu merupakan secara am sahaja yang telah membantut kemajuan bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan, tetapi ada juga golongan bumiputera yang telah berjaya dapat mengatasi segala kelemahan-kelemahan ini. Tetapi saya

suka memaklumkan di sini bagi mereka yang memulai perniagaan ataupun bidang perindustrian, inilah perkara-perkara yang agak menjadi halangan kepada mereka untuk mencapai kejayaan dengan sepenuhnya.

Kerajaan memang sedar tentang kelemahan-kelemahan ini, oleh kerana itulah Kerajaan senantiasa memberi galakan supaya mereka terus mendapat bimbingan dan latihan. Di samping itu Kerajaan juga sedang cuba memberi pendedahan kepada mereka agar menerusi amalan-amalan yang baik dan sihat mengikut etika perniagaan dan perindustrian, mereka akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang saya sebut tadi.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia mengenai kelemahan peniaga-peniaga bumiputera, adakah Yang Berhormat Mulia bersetuju kalau saya katakan bahawa satu lagi faktor yang besar yang membantut kemajuan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perusahaan ialah sabotaj yang dilakukan oleh golongan pembekal, misalnya perniagaan kereta motor, di mana kalau ada "dealers", dengan izin, di antara bumiputera dengan bukan bumiputera, pembekalnya lebih mengutamakan "dealer" bukan bumiputera dan dengan tindakan yang demikian menjadikan "dealer" bumiputera itu tidak mampu untuk bersaing dalam bentuk persaingan yang sihat. Apakah faktor ini sudah diselidiki oleh Kementerian Yang Berhormat Mulia?

Soalan yang kedua ialah mengenai dengan eksekutif bumiputera yang bekerja di sektor swasta di mana mereka ini diberhentikan dengan secara terhormat di mana pihak majikan mungkin tidak memberikan apa-apa tugas dan menjadikan ia

bosan dan terus meletakkan jawatan. Apakah ini juga telah diselidiki oleh Kementehnan Yang Berhormat Mulia?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kurang majunya perniagaan bumiputera boleh disebabkan persaingan yang sengit dan mungkin ada sabotaj tetapi kita dalam Kerajaan belum mendapat maklumat yang cukup tentang usaha-usaha sabotaj sebagaimana yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Kita tidak dapat menjalankan siasatan kerana tanpa maklumat dan sebarang pertolongan daripada orang ramai, tidak dapat kita memperolehi maklumat-maklumat yang tepat untuk membaiki keadaan ini.

Mengenai perkara yang kedua, maaflah saya sudah terlupa!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mengenai dengan pekerja-pekerja.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Mengenai pemberhentian pekerja-pekerja, ada juga aduan-aduan yang dibuat bahawa seseorang itu kerana "frust", dengan izin, dia meletakkan jawatan oleh kerana tidak diberi apa-apa tanggungjawab ataupun tugas semasa mereka berkhidmat dengan sesuatu firma dan biasanya ini dilaporkan kepada pihak yang berkuasa di Kementerian Buruh supaya mengambil tindakan yang sewajarnya dan kita memang memberi nasihat dan teguran kepada badan-badan perniagaan yang bertindak sedemikian rupa supaya tidak mengulangi perbuatan yang tidak baik itu.

**RISDA—KEKURANGAN
CUKAI SES**

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan

dengan berlakunya kekurangan cukai ses yang dikutip sekarang ini, adakah akan menjejaskan usaha penanaman semula getah seperti yang dirancang oleh RISDA. Jika benar:

- (a) apakah langkah-langkah positif telah, sedang dan akan diambil oleh RISDA bagi mengatasi masalah itu; dan
- (b) berapa banyakkah kehilangan cukai ses oleh RISDA akibat dasar RISDA membenarkan pekebun-pekebun kecil menukarkan jenis tanaman getah di bawah kelolaan RISDA kepada sawit.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Yang di-Pertua, matlamat RISDA untuk menanam semula getah seluas 80,000 ekar setahun akan terjejas dengan berlakunya kekurangan kutipan cukai ses sekarang ini.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$40 juta bagi tahun 1984 dan \$60 juta bagi tahun 1985. Bagi tahun 1986, pihak RISDA sedang berusaha untuk mendapatkan tambahan bagi menampung kekurangan kutipan ses tersebut. Oleh yang demikian, matlamat RISDA untuk menanam semula bagi tahun 1987 dan tahun-tahun berikutan akan bergantung kepada kutipan ses dan peruntukan tambahan dari pihak Kerajaan.

Adalah diharapkan bahawa harga getah akan terus stabil seperti keadaan sekarang ini ataupun naik di dalam masa yang singkat. Keadaan ini mungkin berlaku dengan pengurangan hasil yang akan dialami di musim hujan pada akhir tahun ini, dan di awal tahun 1987 di mana daun meturuh akan berlaku. Dengan ini, harga getah dijangka akan menaik dan

natijah dari ini, pekebun-pekebun kecil akan menanggukuhkan kerja-kerja menanam semula dan akan terus menoreh kebun-kebun mereka. Juga, pada masa ini pekebun-pekebun kecil sedang digalakkan membuat penorehan menaik dengan penggunaan penggalak susu getah. Usaha-usaha kegiatan ini mempunyai potensi yang sungguh baik, oleh kerana kebanyakan pekebun-pekebun kecil tidak menggunakan tapak torehan sebelah atas, walhal telah didapati daripada penyelidikan bahawa hasil melalui penorehan menaik adalah melebihi torehan biasa.

Jawapan bagi yang (ii), anggaran kekurangan pengeluaran getah dan seterusnya kekurangan wang ses akibat dasar RISDA membenarkan pekebun-pekebun menukarkan jenis tanaman getah kepada kelapa sawit dan lain-lain jenis tanaman ialah kira-kira 17% tiap-tiap tahun iaitu kira-kira \$24 juta.

Walaupun keluasan tanam semula dengan kelapa sawit meningkat kira-kira sekali ganda dari tahun 1981 iaitu 11,3971/4 ekar kepada 20,8703/4 ekar dalam tahun 1985, tetapi pada tahun 1986 ini, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pekebun-pekebun kecil telah mengubah jenis tanaman semula mereka daripada kelapa sawit kepada getah. Ini jelas dapat dilihat dari pesanan benih getah yang melebihi daripada jangkauan sehingga pihak RISDA terpaksa membeli di tapak-tapak semeian getah yang berdaftar, sebaliknya pesanan benih kelapa sawit pula kian menurun. Begitu juga dengan beberapa buah mini estet yang didapati telah menukar balik jenis tanaman yang dicadangkan daripada kelapa sawit kepada getah.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa memang benar dengan

kekurangan cukai ses ini akan menjejaskan usaha Kerajaan di dalam penanaman semula getah. Selain daripada langkah-langkah yang diambil, apakah langkah-langkah lain, seumpama mengurangkan had kematangan umur bagi getah? Sekarang ini, kalau kita menanam getah kita terpaksa mengambil masa sehingga 6, 7 tahun kadang-kadang 8 tahun. Tetapi kelapa sawit dalam tempoh 3 tahun atau 3 1/2 tahun. Apakah pihak Badan Penyelidikan Getah ini dari segi insentif atau galakan kepada masyarakat pekebun kecil supaya dapat mencari benih-benih yang boleh mengurangkan jangka umur atau had kematangan umur getah supaya dapat menghasilkan pengeluaran yang lebih cepat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Penyelidikan pada hari ini memang memikirkan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi, tunggulah masanya.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada benar atau tidak, kekurangan cukai ses ini ada hubung kaitnya dengan pengeluaran dan pengeluaran ini ada hubung kaitnya pula dengan tidak bertorehnya getah-getah yang kebanyakan daripada kawasan-kawasan getah yang terdapat di kampung-kampung.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Yang Berhormat itu telah pun saya rangkumi dalam jawapan saya tadi. Memang ada pokok getah yang tidak bertoreh. Ini salah satu daripada puncanya, di mana eksport kita kurang. Apabila eksport kita kurang, maka ses kita pun kurang. Oleh sebab itulah saya nyatakan sekejap tadi, bahawa pada hari ini kita

mengharapkan pekebun-pekebun kita menoreh getahnya masing-masing dan kalau bolch, menangguh penanaman semula.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd.

Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya RISDA ada mempunyai aktiviti-aktiviti lain yang boleh membawa keuntungan kepada RISDA. Saya mahu tahu adakah aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di bawah Akta RISDA itu dapat membawa keuntungan bagi menampung kekurangan wang ses itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Yang di-Pertua, soal menampung wang ses itu sebagaimana saya katakan tadi, terpaksa kita bergantung kepada wang tambahan daripada Kerajaan dan yang keduanya soal pertambahan eksport getah sendiri. Tetapi jikalau Yang Berhormat itu bermaksud bahawa, apa yang perlu pada hari ini, ialah penambahan pendapatan pekebun-pekebun kecil, memang kita ada langkah-langkah yang sedemikian, terutama sekali, dalam soal tananam kontan dan juga pemeliharaan biri-biri. Suka saya menyatakan di sini, iaitu, kalau kita dapat memelihara biri-biri dengan cara yang lebih banyak, 400 ekor, 500 ekor dan seterusnya, maka ini juga akan memotong kos penanaman kita, kerana biri-biri ini, akan memakan rumput dan kita tidak payah lagi mencuci rumput, sebagaimana yang kita, pada hari ini, laksanakan di mana, perbelanjaannya agak banyak juga.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan saya, saya hendak memberi perhatian, ada satu kesilapan dalam percetakan nama saya iaitu bukan "Yeoh" tetapi "Teoh". Saya harap dibetulkan. Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-9.

PERDA—PERUNTUKAN PROJEK PEMBANGUNAN

9. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) projek-projek yang dijalankan oleh PERDA sejak ianya ditubuhkan. Beri butir-butir; dan
- (ii) jumlah peruntukan yang diberikan kepada PERDA untuk setiap projek pembangunan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang telah dijalankan oleh PERDA sejak iaqya ditubuhkan adalah:

1. *Projek Infrastruktur-*
Pembinaan jalan; menaikkan taraf jalan.
2. *Projek Komersial—*
 - (i) Projek Perniagaan—seumpama membina kedai di Sungai Acheh, di Tasek, di Jejawi, di Kuala Muda, di Kubang Menderong dan di Bukit Minyak; juga membina gerai perniagaan peniaga kecil di kawasan yang sama.
 - (ii) Projek Industri—Projek kilang memproses dan mengetin makanan; projek bengket jahitan dan kraftangan; menyediakan tapak industri kecil/desa di Tasek dan di Kubang Menderong.
 - (iii) Projek Pertanian—PERDA telah mengadakan lapan projek pertanian sejak ia ditubuhkan seperti Tanaman pelbagai sayur-sayuran di Kubang

Menderong, ternakan ayam daging, ternakan itik telur dan projek telur masin di Kubang Menderong, ternakan ayam daging di Juru, tanaman jambu batu di Kubang Menderong, tanaman asparagus.

Selain daripada itu PERDA telah mengenalpasti projek yang akan dijalankan seperti berikut:

Projek akuakultur Kuala Sungai Pinang, projek tanaman cili di Gual

Projek Perumahan
Projek Pertanian
Projek Infrastruktur ..

Perahu, Ekor Kuching Lebu Banting, projek tanaman betik di Gual Perahu, projek tanaman mangga di Sungai Duri.

3. Projek Perumahan—

PERDA telah memohon untuk menjalankan projek perumahan di 11 kawasan penempatan sebanyak 3,284 unit, tetapi cuma diluluskan sebanyak 8 kawasan.

Jumlah peruntukan yang diberikan kepada PERDA untuk setiap projek pembangunan:

	1984	1985	1986
—	—	1,296,000	12,480,000
1,390,000	1,390,000	2,150,000	4,000,000
-1,100,000	-1,100,000	1,100,000	8,200,000

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberi tahu Dewan ini bahawa adakah PERDA perlu mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri sebelum sesuatu projek dijalankan atau adakah PERDA berunding dengan Kerajaan Pulau Pinang sebelum projek itu dijalankan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut yang saya tahu, segala projek yang hendak PERDA laksanakan, diperbincangkan terlebih dahulu, dengan Kerajaan Negeri dan biasanya, mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa banyak projek-projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi merupakan projek perdagangan dan industri, mengapa PERDA tidak dibenar menubuhkan anak syarikat walhal Akta PERDA membolehkannya?

Soalan yang kedua, apakah kedudukan rancangan perumahan PERDA di Bayan Baru yang menjadi perbalahan di antara PERDA, Perbendaharaan dan Jabatan Perumahan tidak berapa lama dahulu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal penubuhan anak syarikat itu botehlah kita pertimbangkan. Mengenai soal yang kedua, soal perumahan di Bayan Baru, saya setakat ini, belum mendapat maklumat yang sejelas-jelasnya, untuk dimaklumkan kepada Dewan ini.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) adakah Kerajaan Malaysia menghantar perutusan kepada Presiden Corazon Aquino setakat ini supaya Kerajaan

baru Filipina mengenyepikan tuntutan kewilayahannya terhadap Sabah, yang mana pada masa kini Presiden Aquino telah melantik sebuah suruhanjaya supaya merumuskan perlembagaan baru untuk negara tersebut; dan

- (b) adakah benar ketua-ketua Pejuang Barisan Hadapan MORO (MNLF) telah berada di Sabah buat beberapa waktu dan kalau benar, apakah pendirian Kerajaan terhadap kehadiran mereka di Malaysia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan baru Filipina di bawah pimpinan Presiden Corazon Aquino telah menyatakan kesediaannya untuk menyelesaikan isu tersebut dan Malaysia telah mengalu-alukan hasrat Filipina itu.

Suruhanjaya Perlembagaan yang ditubuhkan oleh Presiden Aquino adalah untuk menggubal satu perlembagaan baru Filipina yang mana termasuk usaha untuk mentakrifkan had wilayah Filipina. Tuntutan ke atas Sabah adalah berkaitan dengan isu ini. Walau bagaimanapun, perlembagaan baru yang digubal oleh Suruhanjaya Perlembagaan belum dikemukakan untuk kelulusan rakyat Pilipina.

Mengenai pejuang-pejuang MNLF, Malaysia telah berulang kali menyatakan bahawa kita tidak pernah membenarkan pejuang-pejuang MNLF menggunakan Sabah atau wilayah lain di Malaysia sebagai tempat persembunyian. Malaysia hanya menerima kehadiran pelarian-pelarian Filipina di Sabah atas dasar perikemanusiaan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan

memberi sedikit penjelasan terhadap tuntutan ke atas Sabah ini. Adakah Kerajaan meminta pertolongan daripada negeri-negeri yang lain untuk menekankan negeri Filipina untuk melepaskan tuntutannya ke atas Sabah itu? Jikalau Filipina tidak ingin melepaskan tuntutan itu dan ingin menggunakan cara kekerasan untuk menuntut negeri Sabah, apakah persiapan yang negara kita telah buat?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sbeikh

Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal Sabah ini adalah satu perkara yang harus dihadapi dengan lebih teliti dan sensitif. Sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa pimpinan baru Pilipina telah pun sedikit sebanyak mengakui bahawa mereka akan selesaikan masalah ini dengan seelok-eloknya. Jadi, saya raSa eloklah kita memberi sedikit masa kepada pimpinan baru itu untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sementara waktu itu saya rasa kita semua sedar bahawa Sabah adalah sebahagian Malaysia dan ini diiktiraf oleh seluruh dunia.

Soal apakah persiapan, saya rasa itu adalah satu soal yang "hypothetical" dan tidak berbangkit pada masa ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pendirian dan langkah-langkah lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia sekiranya isu tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak juga mencapai penyelesaian dalam tempoh masa pentadbiran Presiden Corazon Aquino dan adakah Kerajaan akan terus memberi perlindungan kepada pelarian-pelahan dari Filipina sehingga keadaan di negara asal mereka menjadi aman semula?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf. Soalan tambahan ini pun adalah "hypothetical" dan jika ianya dibenarkan soalan tambahan ini tadi, ia juga patut, tetapi tidak dibenarkan sebagai "hypothetical".

Beberapa Orang Ahli: Sudahlah!

Tuan Sim Kwang Yang: Standing Order

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduklah, Yang Berhormat! Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa kita terpaksa dari segi diplomasi yang baik memberi masa untuk pimpinan baru Filipina untuk menyelesaikan perkara ini dengan seelok-eloknya. Sebagaimana yang telah saya nyatakan juga bahawa kita memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian Filipina itu di atas dasar perikemanusiaan. Apabila perkara itu tidak timbul lagi saya rasa sudah tentulah pelarian-pelarian ini akan dengan sendirinya balik ke negara mereka yang asal.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggunakan jasa baik melalui Persidangan Sekretariat Islam iaitu OIC bagi membantu dan menyampaikan hasrat serta

menyelesaikan masalah Pejuang-pejuang Barisan Hadapan MORO supaya ianya dapat mewujudkan kestabilan di peringkat ASEAN? Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa soal MORO dan soal orang-orang Islam di selatan Filipina sudah pun menjadi satu isu international dan bukan lagi merupakan satu isu serantau ini. Perkara ini memang dibincangkan pada tiap-tiap kali dalam mesyuarat OIC dan oleh sebab tekanan OIClah, maka sudah pun kita ada Perjanjian Tripoli dan sebagainya di mana perkembangan-perkembangan yang sihat untuk mengatasi masalah ini sedang pun berlaku sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Lee Lam Thye tidak hadir)

PENDATANG HARAM YANG DIHANTAR BALIK

12. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Datam Negeri menyatakan apakah jumlah orang pendatang haram, mengikut negara asalnya, yang sudah dihantar balik kepada negara masing-masing pada tahun 1982, 1983, 1984, 1985 dan pertengahan awal tahun 1986.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram yang telah diusir keluar dari Malaysia dalam tahun 1982, 1983, 1984, 1985 dan sehingga pertengahan tahun 1986 mengikut

negara-negara asal pendatang haram berkenaan adalah seperti berikut:

KEWARGA- NEGARAAN	1982	1983	1984	1985	1986 (hingga Jun)
1. Amerika ..	—	1	—	1	—
2. Sri Lanka ..	6	5	—	33	—
3. Bangladesh	67	129	99	181	41
4. Burma ..	183	449	985	895	238
5. British ..	1	1	—	1	—
6. Filipina ..	—	—	—	5	524
7. Indonesia ..	2,910	4,573	6,647	12,582	4,489
8. India.. ..	65	40	60	102	7
9. Kampuchea	—	50	11	53	—
10. Nepal	—	—	10	2	—
11. Pakistan ..	46	54	50	78	2
12. Singapura ..	26	28	47	35	—
13. Thailand ..	2,067	3,002	2,967	5,771	1,010
14. Vietnam ..	—	4	3	5	—
15. Taiwan ..	—	—	—	—	15
16. Lain-lain ..	61	98	17	10	—
JUMLAH ..	5,432	8,434	10,897	19,854	6,323

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerangkan jumlah pendatang-pendatang haram ke tanahair kita. Saya ingin tahu adakah mereka ini datang secara berkeluarga ataupun mereka datang secara individu? Yang kedua, daripada pengalaman atau maklumat yang diterima oleh Kementerian Yang Berhormat, apakah sebabnya mereka ini datang ke sini, adakah melancong ataupun ada tujuan-tujuan tertentu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, ada yang datang secara individu dan ada yang datang dengan keluarga, termasuklah anak-anak kecil. Soalan yang kedua, kebanyakan

pendatang haram adalah disebabkan ekonomi—mencari makan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pendatang-pendatang haram ini sebelum mereka dihantar balik, adakah mereka dibicarakan terlebih dahulu ataupun setelah dibicarakan, mereka ditahan sebelum dikembalikan dan apabila mereka telah dihantar pulang, bagaimanakah Kementerian dapat memastikan mereka tidak berulang menjadi pendatang haram kembali?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pendatang-pendatang haram yang ditangkap, selalunya kita kurung dua, tiga, empat

hari untuk menentukan surat-surat pengesahan yang mereka datang ke sini. Kalau sekiranya tidak ada surat apa-apa, kita terus hantar dalam masa 24 jam. Tetapi kadangkala ada mempunyai IC merah, kita terpaksa siasat adakah kad pengenalan merah ini benar-benar ataupun penipuan. Begitu juga surat AR 7 yang mana Kerajaan kita akan siasat lebih lanjut. Dan setelah siasatan dijalankan, kalau sekiranya mereka tidak melakukan apa-apa jenayah, mereka akan dihantar balik secepat mungkin, tetapi kalau mereka melakukan jenayah, terpaksalah dibicarakan.

Soalan yang kedua, adakah dapat kita pastikan mereka akan kembali atau tidak, oleh kerana mereka datang secara haram, sukar untuk kita

pastikan adakah mereka datang kembali atau tidak.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Di samping jumlah pendatang haram, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jumlah pelawat-pelawat asing yang tinggal melebihi masa, yang boleh ditakrifkan sebagai pendatang haram di negara kita ini sejak tahun 1984 hingga sekarang dan apakah program-program Kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah warganegara asing yang tinggal lebih masa yang mana boleh juga dianggapkan sebagai pendatang haram, oleh kerana masa sudah lebih, adalah seperti berikut:

	1984	1985	1986 (Setakat bulan Mac)
India	11,791	8,155	2,219
Pakistan	1,519	1,986	663
Bangladesh	1,157	1,302	367
Sri Lanka	2,193	2,787	500
Hong Kong	9,396	8,527	332
Taiwan	4,868	4,565	900
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	30,924	27,322	4,981
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Pihak Kementerian sedang berusaha untuk menempatkan komputer di 60 pusat masuk ke negara ini yang dianggap penting agar kita dapat menentukan bahawa orang-orang asing yang masuk ke sini dapat kita monitor, dengan izin, tentang adakah mereka masih sah atau tidak sah untuk tinggal di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa yang diperuntukkan bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 2, 11 dan 13 adalah diberi di bawah ini).

FELDA—RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI SARAWAK

2. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui FELDA dan FELCRA mempergiatkan dan memperhebatkan usaha untuk melancarkan skim rancangan

pembangunan tanah di kawasan Merit dan Lajan di Bahagian Ketujuh, Sarawak bagi usaha Kerajaan menghapuskan kadar kemiskinan penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, agensi FELDA dan FELCRA bersetuju dan bersedia untuk memajukan kawasan-kawasan di Negeri Sarawak jika terdapat kawasan yang sesuai dan memenuhi syarat, dibangun dan dipulih bagi dijadikan kawasan pertanian yang maju. Pada masa ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang memberi perhatian yang teliti dan satu program yang terperinci serta menyeluruh sedang dirangkakan bagi memajukan beberapa bahagian di Sarawak.

INTEGRASI NASIONAL

11. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berbagai rancangan yang bertujuan mempercepatkan proses integrasi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Adakah halangan-halangan ke arah integrasi telah dikenalpasti dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersekali dengan Soalan No. 9 pada 30-10-1986.

DASAR KERAJAAN— ULANGKAJI

13. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan reaksinya terhadap kenyataan di Kuala Lumpur pada 28 Ogos tahun ini oleh Menteri Pengangkutan Dato' Ling Liong Sik bahawa masa telah tiba untuk mengulang-kaji dasar-dasar

Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan serta adil/dengan tujuan membantu negara ini mengatasi kemelesetan ekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya minta beliau merujuk kepada perenggan 4 dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Upacara Perasmian Penggal Parlimen sekarang pada 7 Oktober lalu yang menyebut, "Kerajaan kita akan meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Walaupun begitu, pelaksanaan sesuatu dasar itu boleh diubahsuai, mengikut keadaan semasa, untuk mencapai matlamat perpaduan negara".

Oleh hal yang demikian, sukalah saya memaklumkan bahawa saranan yang dibuat oleh Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dato' Ling Liong Sik itu adalah selaras dengan hasrat titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

RANG UNDANG- UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan

Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (Hari Kedua).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B.1 hingga B.12 (Jadual)—
Maksud P. 7 dan P.8 (Anggaran
Pembangunan 1987)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Arau untuk menyambungkan ucapannya, suka-lah saya menyatakan di sini bahawa segala hujah-hujah dan perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini akan digulung oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tepat pada jam 5.30 petang ini. Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

3.36 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk mengulangi Bekalan dan juga Butiran yang saya sebut semalam dengan point yang baru oleh kerana saya banyak diganggu semalam, jadi saya tidak dapat menyebutnya dengan sepenuhnya. Saya pohon, dengan izin.

Pertama sekali, Butiran B.1 muka surat 25, Butiran 010000 di bawah Program 010100 dan juga 010200—Parlimen. Semalam saya telah menyebut tentang fasal Peraturan Mesyuarat. Sekarang saya ingin menyentuh tentang Bangunan Parlimen ini sendiri dan juga kedudukan alat-alat elektronik yang telah digunakan untuk membantu Ahli-ahli Parlimen berhujah bercakap dan sebagainya. Saya terpaksa menyebut perkara ini memandangkan Bangunan Parlimen Malaysia adalah

merupakan di antara bangunan yang termoden. Dan baru-baru ini Parlimen telah membuat pembaharuan semula kepada Bangunan ini dan kita lihat Bangunan ini telah pun dicat dengan cantik, tetapi perubahan alat elektronik telah tidak dibuat dengan betul.

Hal ini saya terpaksa sebutkan oleh kerana seringkali terjadi di mana saya rasa Tuan Pengerusi sendiri tidak ada alat kontrol untuk menentukan Ahli-ahli yang bercakap. Kadang-kadang kalau saya bangun, lampu merah ini menyala di tempat yang lain. Dan yang paling penting sekali ialah pegawai-pegawai Kerajaan, pemerhati-pemerhati dan juga pemberita-pemberita yang terpaksa menyelak kertas kedudukan Ahli-ahli Parlimen untuk membolehkan mereka menulis apa-apa yang telah dicakapkan. Sementara pemerhati ataupun tetamu Parlimen yang datang mereka tidak akan mengetahuinya siapa yang bercakap, lebih-lebih lagi huruf yang ditulis di hadapan kita ini tidak dapat dilihat dari jarak yang jauh.

Jadi dengan itu kadang-kadang terdapat, perkara ini memang telah berlaku pada diri saya sendiri di mana apabila saya bercakap laporan telah dibuat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam yang bercakap padahal saya yang mengeluarkan kenyataan tersebut. Kadang-kadang bagi orang lain yang bercakap telah dimasukkan nama saya. Jadi kalau dimasukkan nama saya itu, saya gembira, tetapi bagi kawan-kawan saya yang bercakap tetapi tak dapat coverage, dengan izin, tentulah dia tak berpuas hati. Perkara ini berlaku oleh kerana sistem alat elektronik kita ini tidak sampai ke tahap yang membolehkan semua orang untuk mengetahui siapakah yang bercakap. Dengan itu saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya peruntukan tambahan dibuat yang saya rasa tidak

pun sampai \$100,000 untuk memasang satu "board" yang membolehkan semua orang boleh tengok bahawa yang bercakap sekarang, sebagai contoh, ialah Wakil dari Arau. Dengan itu tak payahlah kita selak lagi kertas di sana sini untuk melihat siapa Ahli yang bercakap dan para pemberita tidak akan membuat kesilapan untuk menentukan siapa yang bercakap dalam laporan yang akan dibuat.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum, ramai Ahli Parlimen yang telah pun melihat persidangan Bangsa-bangsa Bersatu, kita tengok sendiri bagaimana sistem di sana dipakai iaitu sampai ke peringkat pengundian pun kita dapat lihat dan kita tak payah lagi membilang dengan cara mulut, yang akan mengambil masa yang agak lama. Kita akan lihat di "board" sana bahawa, katakan sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedang mengundi ataupun membangkang Kerajaan dan Ahli Yang Berhormat dari Arau menyokong Kerajaan. Jadi kita dapat lihat lampu merah dan hijau di board sana. Perkara ini penting diberikan perhatian untuk menunjukkan bahawa Parlimen kita adalah bukan sahaja sebuah Parlimen yang Ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang yang dedicated tetapi juga alat-alat yang membantu kita untuk menyampaikan hujah-hujah kita adalah sama ke arah tersebut.

Perkara yang berikut yang saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Tuan Pengerusi sendiri dapat lihat adalah berhubung dengan pakaian Bentara Parlimen. Dahulu, pada masa yang lepas, kita lihat pakaian Bentara itu adalah pakaian "Baju Melayu" tetapi sekarang ini kita lihat pakaian Bentara ini, saya segan hendak sebutkan, Tuan Pengerusi. Tetapi kalau kita tengok cerita filem Hindustan, kita tengok pakaian—saya segan hendak sebutkan, Tuan

Pengerusi, nanti Bentara marah kepada saya. Tetapi itulah bentuk pakaian yang diciptakan untuk Bentara Parlimen ini.

Apa salahnya kalau sekiranya pakaian ini dibuat dalam bentuk Pakaian Kebangsaan seperti pakaian yang diberi kepada pekerja Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), iaitu pakaian "Batik" agar menjadi agak sesuai dengan kedudukan Parlimen, Dewan yang mulia ini, sesuai dengan identiti kebangsaan kita dan bukan dalam bentuk pakaian yang ada sekarang. Saya rasa pakaian ini patut diubahsuai untuk membolehkan mereka mendapat gambaran dan juga identiti yang sama. Saya tak mahu sebutkan pakaian apa, sebab saya rasa segan sedikit. Jadi itulah cadangan saya mengenai Maksud B.1.

Kemudian perkara yang kedua ialah mengenai Maksud B.7, Butiran 010000 di bawah Program 010900, Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Muka surat 34. Tuan Pengerusi, kita lihat di bawah Hal Ehwal Wanita ini, pada tahun 1986 telah diperuntukkan sebanyak \$901,700 dan dalam tahun 1987 program ini diberikan lebih kurang \$500,600. Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang saya rasa cukup serius sebab wanita merupakan golongan yang teramai sekali kalau dibandingkan dengan kaum lelaki di Malaysia dan lelaki tak boleh hidup tanpa wanita dan Kerajaan yang ada sekarang juga, saya rasa tidak boleh ditegakkan tanpa pengundi wanita dan pengundi wanita banyak membantu termasuk DAP dan juga Barisan Nasional dalam memenangi Pilihanraya besar yang lepas. Tetapi apabila sampai tentang peruntukan

Hal Ehwal Wanita, cuma \$500,000 sahaja diberi untuk tahun 1987 sedangkan untuk tahun 1986 ianya adalah \$900,000.

Kita tahu bahawa ini merupakan peruntukan untuk Sekretariat yang menguruskan Hal Ehwal Wanita. Apa salahnya oleh kerana sekarang ada Timbalan Menteri Wanita di Jabatan Perdana Menteri, bahawa Bahagian Hal Ehwal Wanita ini kita naikkan tarafnya menjadi Jabatan. Dengan itu sesuaiilah kita namakan "Hal Ehwal Wanita". Jikalau tidak, kita tak tahu fungsinya cuma hendak mengadakan seminar ataupun hendak menonjolkan eksekutif-eksekutif wanita sahaja. Kita tak tahu, kerana dengan peruntukan \$500,000 itu dalam sebulan ataupun dua bulan ini akan langsa dan dengan ini kita tidak akan mencapai matlamat untuk memaju dan mempertinggikan kamu wanita dalam segala bidang.

Jadi saya cadangkan supaya Bahagian Hal Ehwal Wanita ini dinaikkan taraf menjadi Jabatan dan dengan itu sesuaiilah bagi seseorang Timbalan Menteri wanita di Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lebih rancak lagi, sesuai dengan ucapan terima kasih kita kepada kaum wanita yang telah membantu untuk menaikkan Kerajaan yang ada sekarang.

Kemudian yang berikutnya ialah Maksud B.7 juga di bawah Butiran 020000, muka surat 34—Unit Perancang Ekonomi. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah menyebutkan bahawa betapa perlunya Unit Perancang Ekonomi ini ditempatkan pegawai-pegawai profesional untuk membolehkan perancangan yang jitu mengenai perancangan ekonomi negara dapat dijalankan.

Apa saya ingin menyentuh di sini ialah berhubung dengan beberapa dasar yang mana telah pun dilibatkan Unit Perancang Ekonomi secara langsung. Sebagai contoh ialah Dasar Pandang ke Timur. Dasar kita adalah untuk meniru disiplin pekerja-pekerja daripada Jepun dan Korea dan dengan itu kita dapat menambahkan produktiviti kita. Saya rasa dalam hal ini semua pihak telah menyebut fasal pengeluaran atau produktiviti, tetapi tidak ada pihak yang menyebut tentang pemasaran. Saya percaya dalam apa segi sekalipun pemasaran merupakan perkara yang penting dan pemasaran itu yang patut kita tiru daripada Jepun dan Korea, bukan sahaja pengeluaran.

Saya bagi satu contoh lagi. Sekarang ini Kerajaan mengimport bahan-bahan makanan dan juga buah-buahan berharga lebih daripada \$3 billion sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian semalam. Tetapi saya rasa petani-petani tidak teragak-agak untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran tetapi siapakah yang akan memasarkannya? Sebagai contoh lagi, yang saya sering sebutkan mengenai perusahaan buah mempelam yang ditanam dalam bentuk mini estet di negeri Perlis, apa akan terjadi kepada buah-buah mempelam ini apabila ianya telah mengeluarkan hasil.

Demikian juga mengenai Rancangan Buku Hijau yang telah digerakkan oleh Kerajaan dalam tahun 1970an dahulu, kita dapati rancangan itu gagal begitu sahaja bukan disebabkan oleh pengeluaran tetapi adalah disebabkan oleh pemasaran. Jadi Bahagian Perancangan Ekonomi patut melihat bagaimana orang-orang Jepun dan Korea itu memasarkan barang-barang keluaran mereka.

Kita tahu bahawa Singapura terkenal sebagai pakar dalam bahagian pemasaran, sebab itulah segala barang-barang dikeluarkan melalui mereka. Kalau kita sudah, dengan izin, established dengan pemasaran, saya rasa jika kita jual "tahi lembu" pun, orang kata bahan itu elok. Tetapi kalau sekiranya kita tak diestablishkan sebagai orang yang tahu memasarkan bahan-bahan tadi, kita buat, maaf Tuan Pengerusi, kita buat Proton Saga dengan etok pun, mereka kata tak elok; tetapi kereta-kereta lain walaupun dari segi mutunya mungkin rendah daripada Proton Saga, dikatakan elok sebab jalinan pemasaran telah pun wujud. Jadi dengan itu Unit Perancang Ekonomi ini patut menggalakkan tiap-tiap Kementerian, sebelum dikeluarkan peruntukan, supaya dapat dipastikan pemasaran dahulu dan bukan pengeluaran. Saya rasa pengeluaran itu tak menjadi masalah. Petani-petani kita, kalau dari segi untuk mengeluarkan hasil-hasil makanan ini, saya ingat tak menjadi masalah tetapi kita pastikan bahawa pemasaran itu wujud dan dengan itu mereka akan dapat mengeluarkan hasil-hasil pertanian dengan terus.

Kita dapati bahawa sayur-sayuran yang dikeluarkan oleh petani-petani di Cameron Highlands dan juga di lain-lain tempat, mereka dapat teruskan usaha ini oleh kerana ada pemasaran yang tetap.

Demikian juga bahan-bahan lain yang saya percaya akan diambil tindakan sewajarnya oleh Unit Perancang Ekonomi.

Yang berikutnya ialah B. 7 juga, Butiran 030000, muka surat 34—Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Dan unit ini telah diperuntukkan \$173 juta pada tahun 1986 dan sekarang 1987 telah diperuntukkan \$153 juta lebih walaupun terdapat kekurangan

sebanyak \$20 juta. Kita dapati ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan) Jabatan Perdana Menteri ini pada masa yang lepas juga dikenal sebagai EKDAU tetapi DAU itu telah pun ditukarkan unit baharu tinggal ICU. Kita dapati walaupun dahulu ICU tidak ada komputer, pada masa sekarang ICU ada komputer dan merupakan yang terbesar di seluruh negara dan alat-alat ini digunakan untuk menjalankan pengesanan kepada projek-projek.

Pada masa yang lepas ICU tidak ada komputer tetapi ICU ada siong, dahulu baju tidak elok, siongnya ada, sekarang ini baju elok, siong tidak ada. Sebabnya, saya rasa perkara itu terjadi pada masa yang lepas ICU ini dikesan terus oleh Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri tetapi sekarang ini telah diturunkan kuasanya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. ICU boleh mengesan projek-projek, boleh menyelaraskan kelewatan projek-projek, boleh menunjukkan komputer-komputer point out kepada kita, ini kedudukan projek dan sebagainya. Tetapi apakah kuasa diberikan kepada ICU yang diwakilkan melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negen di tiap-tiap negen kalau dibandingkan pada masa yang lepas. Saya rasa Yang Berhormat dan juga Tuan Pengerusi masih ingat bahawa pada masa dahulu kalau kita tengok Pegawai Negeri bukan sahaja menyelaraskan projek tetapi mempunyai kuasa-kuasa tertentu yang dapat dihubungkan terus kepada Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan mereka mengeluarkan kenyataan tertentu tetapi sekarang ini mereka bukan sahaja tidak mempunyai kuasa-kuasa tertentu setakat menyelaras. Saya rasa etoklah kuasa yang telah diturunkan kepada Kerajaan Negeri itu diambil balik supaya usaha-usaha untuk mengesan ini dibawa terus daripada Jabatan Perdana Menteri dan sekurang-kurangnya Pegawai-pegawai

Kemajuan Negeri ini dapat mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang ada hubung-kaitnya dengan Perdana Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya bagi tiga minit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi, Tuan Pengerusi, saya tidak bercakap. Jadi, saya minta panjangkan sedikit, minta lima minit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Lima minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Kemudian B.8, Butiran 010000 hingga 050000, muka surat 38—Jabatan Perkhidmatan Awam.

Semalam saya telah menyentuh mengenai pegawai-pegawai Kerajaan di mana adalah tidak wajar kalau sekiranya semua pihak menekan dengan begitu teruk tetapi kita masih pakai lagi pegawai-pegawai Kerajaan. Kita menuduh mereka rasuah, walaupun cuma seorang dua yang rasuah, seolah-olah semua sistem yang ada sekarang ini semua tidak baik tetapi masih kita pakai mereka. Jadi dengan itu, saya cadangkan sesuatu harus dibuat supaya membetulkan keadaan.

Yang sebenarnya, pegawai-pegawai Kerajaan ini mereka sanggup bekerja dengan tidak kira masa dan kita patut berbuat sesuatu untuk memastikan bahawa ini merupakan galakan untuk mereka terus bekerja. Saya beri contoh, sekarang ini kita banyak menekan pegawai-pegawai LPN. Kononnya, LPN banyak terlibat dengan rasuah. Jadi, kenyataan yang telah diberi oleh Menteri yang berkenaan bahawa tidak sampai 8 orang pun yang didakwa dan yang didakwa pula adalah peringkat rendah-rendah yang terima duit seringgat, dua ringgit dan sebagainya. Apakah ini menggambarkan

kedudukan LPN secara keseluruhan. Padahal LPN saya rasa satu agensi yang penting dan petani tidak dapat hidup tanpa LPN; memanglah LPN tidak dapat hidup tanpa petani, tetapi itu bukan cara kita untuk menegur LPN. Caranya ialah cadangkan sesuatu yang konkrit, saya rasa saya tidak bersetuju dengan Ketua Pembangkang bahawa cara dia menganggap bahawa semua sistem yang ada sekarang adalah corrupt, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan. Saya rasa kalau bubuh dia menjadi Pengerusi LPN pun, dia tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi, malah lebih teruk lagi kalau sekiranya dia menjadi Pengerusi badan yang berkenaan.

Yang kedua, berhubung dengan latihan. Pada masa sekarang saya ingat pihak Kerajaan masih lagi mengambil pegawai-pegawai luar—pegawai-pegawai expatriate yang telah dibayar dengan harga begitu tinggi. Kita hendaklah latih pegawai-pegawai kita sendiri. Sebagai contoh kita lihat pegawai-pegawai daripada PORIM dan juga RRI, masih lagi menggunakan pegawai-pegawai luar, dan saya rasa JPA harus membuat sesuatu dan saya rasa tidak ada kurangnya pegawai tempatan untuk mengambil alih pegawai-pegawai luar yang telah ditempatkan di PORIM dan juga RRI. Kita telah dimaklumkan bahawa PORIM juga telah melantik pegawai-pegawai luar untuk ditempatkan di luar negeri. Saya rasa ini perkara patut diberi perhatian yang serius supaya masalah pengangguran yang kita hadapi sekarang dapat kita selesaikan. Dan di samping itu pihak Bahagian Latihan ini dapat menjalankan usaha-usaha supaya kita dapat menempatkan pegawai-pegawai yang penting di tempat-tempat tertentu. Dengan itu, tidak payahlah Kerajaan untuk mengambil semula pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara dan sebagainya.

Kemudian, akhir sekali ialah di bawah B.12, muka surat 45, Butiran 010000, 020000, 030000 semua sekali. Saya ingin sentuh secara umum.

Semalam saya telah sentuh perkara ini dan hari ini saya hendak sentuh semula. Saya rasa tiap-tiap wakil yang bercakap akan menyebut B.12, sama ada Barisan Nasional ataupun Pembangkang. Semua wakil cukup concern, Tuan Pengerusi, mengenai perpaduan, sama ada dalam bentuk untuk mencadang ataupun memperjuangkan sesuatu isu tetapi semua berharap perpaduan dapat diwujudkan. Tetapi yang sedihnya, ada pihak-pihak yang meletakkan syarat sebelum perpaduan boleh diwujudkan.

Saya rasa kalau sekiranya kita meletakkan syarat untuk tujuan perpaduan maka itu bukan perpaduan. Syarat untuk berpadu ini tidak ada syarat tetapi kalau mengadakan syarat maknanya selepas peperangan kita hendak surrender ataupun kita bersatu padu maka kita letakkan syarat tertentu tetapi untuk perpaduan kita ada perkara yang lain.

Saya telah baca buku tadi, saya telah quote di sini yang dikatakan perpaduan itu ialah, "lahir dari sikap tolak ansur dan kemesraan yang ikhlas dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang utama". Jadi, matlamat kita sekarang ialah untuk membentuk Malaysia yang bersatu padu dengan struktur masyarakat majmuk yang taraf ekonominya tidak menampakkan perbezaan yang ketara.

Jadi, sebagai penjelasan, siapa sahaja yang hendak bercakap fasal perpaduan ataupun sekiranya mereka hendak berbincang mengenai perkara ini, mereka seharusnya memahami sejarah. Kita tidak boleh meletakkan syarat bahawa sejarah harus diubah untuk membolehkan kita berpadu. Sejarah tetap sejarah dan untuk

pengetahuan tuan-tuan yang tidak pernah ambil sejarah, sebab saya ambil sejarah, saya tahu.

Sebagai contoh, ialah perkataan "Peribumi". Yang dimaksudkan dengan "Peribumi" ini untuk fahaman kita semua dan kita banyak baca suratkhbar baru-baru ini, ialah manusia-manusia yang telah mengadakan kebudayaan dan juga tamadun dalam satu jangka masa yang membolehkan mereka dikenalkan berdasarkan tempat tersebut.

Kita ada kebudayaan India, tinggalan Mohanjedaro dan juga Harapah. Kita ada tamadun Mogul di India dengan tinggalan Taj Mahal. Kita ada kebudayaan Tang, maaf kebudayaan Cina dengan Tembok Besarnya. Kemudian kita juga ada tinggalan empayar-empayar Melayu purba dengan kebudayaannya di kepulauan Melayu. Dan kita ada tinggalan Roman Empire yang sekarang ini dipanggil Rome dan juga orang-orang Australia yang sekarang ini dinamakan Australian. Dia mengenali bahawa memang ada peribumi yang wujud di Australia.

Jadi masalah UMNO dan MCA sekarang saya rasa tidak ada

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dua minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tinggal satu minit!

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu minit, sepatutnya berhubung dengan masalah UMNO dan MCA sekarang tidak patut ada mana-mana pihak untuk mengeruhkan keadaan, kerana ini bukan soal Kabinet yang dikatakan bahawa Kabinet telah selesai. Ini

bukan soal Kabinet. Soal di antara—maaf, saya sebut nama di sini, ialah Tuan Lee Kim Sai dengan orang-orang Melayu. Itu yang harus diingat oleh semua pihak dan kita tidak ada masalah dengan MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh dah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Dan akhirnya sekali, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Ledang.

4.02 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Pengerusi, saya bersama-sama bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dalam Jawatankuasa dan terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa saya akan merujuk kepada 5 Butiran dan saya bermula dengan Butiran yang pertama, iaitu pada muka 27, Butiran 030000 mengenai Audit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan Berbagai Kumpulan Wang dalam Kod, ataupun Objek Am iaitu Emolumen sebanyak lebih kurang \$5.9 juta.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran ini dengan khusus mengenai dua perkara. Pertama?

ialah mengenai hasil daripada kerja-kerja dan usaha yang dibuat oleh Ketua Audit Negara terhadap Badan-badan Berkanun. Yang pertamanya ialah berdasarkan kepada pindaan Akta 1980 mengenai Statutory Bodies Account dan juga Annual Report, ada diberi peruntukan bahawa setiap badan berkanun mestilah menyerahkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan mereka sekurang-kurangnya tidak lewat 6 bulan daripada berakhirnya tahun belanjawan badan berkanun tersebut. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menekankan betapa pentingnya hasil daripada kerja-kerja audit yang dibuat oleh Ketua Audit Negara ini dilaksanakan dan disempurnakan secepat mungkin, walaupun pada masa sekarang kita masih lagi menghadapi banyak masalah di setengah-setengah badan berkanun yang masih lagi ketinggalan dari segi menyerahkan maklumat-maklumat untuk diaudit oleh pihak Ketua Audit Negara.

Ada beberapa sebab yang sering disebut mengenai perkara lambatnya disempurnakan kerja-kerja audit ini, Pertama ialah kurangnya tenaga kemahiran di dalam badan-badan berkanun tersebut oleh kerana ganjarannya tidak mencukupi, maka tenaga kemahiran tidak dapat dikekalkan untuk jangka masa yang panjang. Mereka lebih cenderung untuk pergi ke tempat yang lain. Kedua, ialah di badan-badan berkanun tersebut pernah disebut tidak berupaya untuk melaksanakan sistem maklumat dan sistem perakaunan yang biasanya diberikan, ataupun ditunjukkan oleh pihak swasta ataupun pihak perunding, dan oleh kerana kurangnya keupayaan di kalangan tenaga kerja maka sistem perakaunan dan sistem maklumat itu tidak dapat diterjemahkan dari segi amalan di badan-badan berkanun tersebut. Ada juga sebab yang

menyatakan bahawa kelambatan itu oleh kerana pihak Ketua Audit Negara lebih menekankan kepada peraturan-peraturan daripada hasil kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh badan-badan berkanun.

Tuan Pengerusi, walau apa pun sebab mengapa ianya lambat di setengah-setengah badan berkanun dan di berbagai-bagai badan berkanun lambatnya kerja-kerja audit itu akan membawa beberapa implikasi yang tidak menyenangkan kita. Pertamanya ialah besar kemungkinan tidak dapat dibuat tindakan dalam jangkamasa yang sewajarnya kerana mungkin ada perkara-perkara yang boleh diperbuatkan tidak dapat dilaksanakan secepat mungkin ataupun perkara itu telah pun berlalu untuk beberapa tahun untuk memberi kesan ataupun makna kepada masalah yang hendak dibetulkan.

Kedua, ialah oleh kerana perkara itu dapat disiarkan dan di maklumkan terlewat dari segi masa maka kesan pengawasan dan juga kesan psikologikal agak hilang dan tidak dapat dirasakan oleh mereka yang berkenaan. Dan akhirnya apa jua yang dapat dihasilkan merupakan hanya sebagai satu rekod historical sahaja.

Tuan Pengerusi, saya dalam bahagian ini ingin menekankan supaya pihak-pihak yang berkenaan, sama ada ianya daripada pihak Ketua Audit Negara ataupun badan-badan berkanun yang berkenaan di kebanyakan Kementerian-kementerian kita ini supaya dapat memastikan kerja-kerja audit itu dapat dilaksanakan mengikut jangkamasa yang kita harap-harapkan.

Satu lagi perkara mengenai Butiran yang saya rujuk di sini ialah mengenai perkara auditing berdasarkan kepada prestasi badan-badan berkanun yang

berbeza dengan kerja-kerja audit berdasarkan kepada kewangan ataupun perlunya mematuhi peraturan-peraturan yang sedia wujud di dalam bidang perakaunan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, kita sudah tiba pada masa dan ketika untuk menekankan perakaunan ataupun auditing berdasarkan kepada prestasi badan-badan berkanun kerana banyak peruntukan-peruntukan kewangan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada badan-badan berkanun untuk matlamat-matlamat yang tertentu, terutama sekali dari segi pencapaian sosio-ekonomi dalam bidang-bidang tertentu dan untuk kepentingan negara pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, apabila kita menekankan tentang auditing yang berbentuk prestasi tadi, maka kita menyarankan kepada Jabatan Audit supaya mengambil kira tentang apa jua matlamat yang wujud dalam sesuatu badan-badan berkanun.

Ianya merangkumi sama ada matlamat itu berbentuk matlamat kewangan ataupun matlamat perniagaan yang dapat diukur dalam bentuk untung ataupun rugi ataupun dapat diaudit berdasarkan kepada matlamat sosial yang berdasarkan kepada, misalnya penyusunan semula masyarakat, sama ada dari segi pekerjaan ataupun sebagainya ataupun dapat diukur dari segi matlamat ekonomi iaitu sama ada sumber-sumber kewangan dan sumber-sumber lain yang diperuntukkan kepada badan berkanun tersebut digunakan dengan secepat-cekapnya.

Tuan Pengerusi, walaupun telah diperuntukkan dalam pindaan dalam Akta Audit 1978, saya ingin menanya

di sini sama ada pihak Ketua Audit Negara telah dapat melaksanakan audit berdasarkan kepada prestasi badan-badan berkanun tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada muka 34, Butiran 020000 iaitu Unit Perancang Ekonomi, Kod 1000 mengenai Perbelanjaan Emolumen berjumlah lebih kurang \$6.6 juta.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya ingin merujuk kepada kerja-kerja yang sewajarnya dibuat di Unit Perancang Ekonomi dalam soal kemiskinan luar bandar. Kita sedar sekarang ini bahawa keupayaan untuk Kerajaan memindahkan mereka yang tidak bertanah ke Rancangan FELDA makin lama makin terhad kerana tanah yang ada agak makin berkurangan dan kos untuk membuka tanah yang baru makin lama makin meningkat. Sambil itu pula kita mempunyai keadaan di mana tanah terbiar makin lama makin besar jumlahnya, tetapi usaha Kerajaan untuk memajukan tanah-tanah yang ada di kampung-kampung dengan secara pembangunan in-situ, makin lama makin dipersoalkan oleh masyarakat kampung kerana kesan ataupun faedah yang dapat dirasakan oleh pekebun kecil berdasarkan kepada tanah yang agak terhad yang dimiliki oleh mereka adalah tidak menggalakkan, sama ada dari segi hasil yang mungkin didapati tanah yang terhad tersebut ataupun berdasarkan kepada ganjaran ataupun upah yang didapati oleh mereka daripada bekerja di mini estet-mini estet tersebut. Seterusnya timbul masalah pengangguran yang makin lama makin meningkat, khususnya di kawasan luar bandar kerana peluang bekerja berkurangan di kawasan sekitar ataupun kurangnya kemungkinan untuk mendapat kerja di kawasan bandar. Seterusnya makin ketara penerapan penggunaan

teknologi yang moden yang akhirnya mengurangkan penggunaan tenaga kerja dalam sektor pertanian.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada sebab-sebab tersebut, saya berpendapat bahawa Unit Perancang Ekonomi sewajarnya menumpukan kepada satu bidang penyelidikan mengenai masalah kemiskinan di luar bandar yang mengambil kira, yang pertamanya untuk meningkatkan daya pengeluaran sama ada berdasarkan kepada setiap ekar yang dikerjakan oleh pekebun kecil ataupun daya pengeluaran yang dapat dipertingkatkan oleh setiap pekerja berdasarkan kepada yang pertamanya, kombinasi di antara input-input yang digunakan, sama ada kombinasi itu antara tanah dengan pekerja ataupun modal dengan pekerja.

Dalam soal ini timbul beberapa persoalan, terutamanya sama ada kita dapat membaiki lagi kombinasi ataupun "proportion", dengan izin, antara modal dengan pekerja. Dalam soal ini rasa saya tidak banyak masalah yang wujud kerana kita mempunyai keupayaan ataupun kemudahan untuk menyalurkan modal dengan tenaga kerja yang ada di luar bandar sebegitu rupa supaya kombinasi itu dapat dipertingkatkan dan nisbah itu dapat diperbaiki, iaitu nisbah antara modal dengan pekerja. Dengan adanya peningkatan proportion tersebut, maka daya pengeluaran pekerja tadi mungkin dapat dipertingkatkan. Tetapi masalah yang wujud pada saya ialah kombinasi antara input tanah dengan pekerja tadi. Ini sepatutnya dapat dikaji oleh pihak Unit Perancang Ekonomi supaya kita dapat meningkatkan kombinasi ataupun nisbah tanah dengan setiap pekerja kerana kita hanya dapat mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar jika sekiranya kita dapat mengubah kombinasi ini ataupun masalah struktur ini, iaitu di antara jumlah

bidang tanah yang dikerjakan oleh setiap buruh di sektor pertanian.

Jadi saya mencadangkan di sini supaya dikaji dengan lebih mendalam lagi sejauh mana misalnya tanah terbiar dapat dirangkumi di dalam usaha untuk meningkatkan nisbah tanah yang boleh dikerjakan oleh buruh di luar bandar. Satu lagi bidang yang mungkin dapat dilihat dengan terperinci oleh pihak Unit Perancang Ekonomi ialah mengenai perlunya meningkatkan perkhidmatan awam di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan tiga perkara ini, di samping dengan satu lagi cadangan yang sewajarnya diambilkira, iaitu sejauh mana misalnya pihak Perancang Ekonomi dapat mengesan peluang-peluang pekerjaan yang ada di luar bandar dan tidak semestinya dalam sektor pertanian ataupun istilah yang biasanya digunakan sekarang ini ialah "Off Farm Employment Opportunities", dengan izin.

Jadi, berdasarkan kepada cadangan-cadangan tersebut, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan bahawa Unit Perancang Ekonomi ini dapat memberi penekanan kepada arah yang baru mengenai cara mengatasi masalah kemiskinan di sektor pertanian khususnya dan di luar bandar amnya.

Satu lagi perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah perlunya pihak Unit Perancang Ekonomi ini mengkaji apa yang saya sebut keluarga yang daif di luar bandar yang mungkin wujud di merata kampung dan tidak semestinya pada jumlah yang banyak, tetapi mungkin dalam 3, 4 kampung ada 1, 2 keluarga yang boleh diandaikan sebagai keluarga-keluarga yang paling daif, sama ada mereka itu sebatang kara ataupun mereka itu adalah yatim ataupun mereka itu yatim piatu ataupun mereka itu cacat akal ataupun

cacat anggota. Jadi, ini adalah merupakan keluarga-keluarga yang daif yang tidak sewajarnya diabaikan dan tak mungkin dapat faedah daripada usaha-usaha untuk membangunkan sektor pertanian dan sektor luar bandar melalui dasar-dasar dan program-program yang dibuat oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, jika sekiranya kita dapat mengesan keluarga-keluarga yang dhaif ini, maka kita akan dapat menyalurkan bantuan-bantuan yang sewajarnya untuk mengatasi keadaan yang daif itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran yang seterusnya, iaitu 030000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Kod 1000 Bahagian Emolumen berjumlah \$12.6 juta. Dalam perkara ini saya mengandaikan bahawa Unit ini mempunyai tanggungjawab yang besar, terutama sekali dari segi penyelarasan dan juga dari segi pelaksanaan. Saya melihat perkara ini di peringkat yang paling rendah, iaitu penyelarasan dan seterusnya pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan di peringkat kampung ataupun di peringkat mukim ataupun di peringkat daerah yang pada saya ketika ini amat tidak memuaskan. Di peringkat kampung dan di peringkat mukim ataupun daerah yang ditekankan dari segi penyelarasan dan pelaksanaan ialah projek-projek yang berbentuk sekolah, surau, jambatan, jalanraya dan sebagainya. Ini merupakan keperluan-keperluan asas yang sewajarnya menjadi hak kepada kawasan yang masih belum lagi dibela untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan tersebut. Pada saya penyelarasan dari segi pelaksanaan sekadar untuk membangunkan sekolah, masjid, surau, jalanraya, parit dan sebagainya, itu adalah perkara yang sudah menjadi perkara lumrah. Tetapi yang menjadi perkara yang lebih pokok kepada saya dari segi penyelarasan pelaksanaan ialah untuk melaksanakan projek-projek

pembangunan yang wujud dalam bentuk dasar, dalam bentuk rancangan dan dalam bentuk projek ataupun program dalam setiap Kementerian-kementerian yang terlibat dalam soal pembangunan luar bandar.

Jadi, saya ingin mengesan di sini bahawa di peringkat kampung misalnya ataupun di peringkat mukim, kita akan mengesan banyak agensi Kerajaan daripada berbagai-bagai Kementerian yang terlibat, misalnya RISDA, FELCRA, LPP, Pertanian, Haiwan, Ikan, MARDI, RRI, itu sahaja yang saya teringat. Tetapi dalam soal pelaksanaan setiap daripada agensi-agensi ini mempunyai program dan projek mereka tersendiri dan saya pernah bertanya dalam Dewan yang lain sama ada kita puas hati terhadap pelaksanaan daripada setiap agensi ini dan sama ada kita puas hati dari segi kordinasi ataupun penyelarasan di antara agensi ini. Maka jawapannya ialah setiap daripada agensi ini bertanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sendiri, tetapi yang saya nampak di kawasan di mana saya wakili, maka projek-projek yang dilaksanakan, sama ada projek misalnya lebah madu, projek mencambah cendawan, projek menanam sayur, projek biri-biri, projek membela lembu dan sebagainya adalah begitu lembab dan begitu lemah sekali dari segi pelaksanaannya. Apabila kita berjumpa agensi-agensi berkenaan dari segi pelaksanaan, walaupun mereka mengatakan bahawa mereka ada projek-projek mereka sendiri.

Saya juga cuba mengesan dari segi penyelarasan, saya dapati bahawa kerjasama di antara agensi-agensi tersebut adalah berdasarkan kepada budibicara pegawai-pegawai yang ditugaskan di peringkat mukim ataupun di peringkat daerah. Misalnya di kawasan saya, kerjasama untuk

membangunkan kegiatan membela kambing biri-biri yang saya lihat hingga kini ialah kerjasama di antara misalnya RRI dengan RISDA. Sambil itu pula saya dapat mengesan bahawa LPP juga ada mempunyai projek biri-biri di kampung yang lain. Jadi, kalau sekiranya Pegawai Pembangunan Negeri mewakili Unit Penyelarasan Pelaksanaan di peringkat negeri tidak berupaya untuk melakukan penyelarasan dari segi pelaksanaan di peringkat daerah dan seterusnya di peringkat mukim, maka sewajarnya satu rancangan ataupun satu usaha untuk mewujudkan penyelarasan di peringkat yang lebih bawah.

Saya menanya di sini bahawa tanggungjawab tersebut terserah kepada Pegawai Daerah-daerah yang tertentu ataupun diberikan kepada seorang Penghulu ataupun kepada seorang Wakil Rakyat. Kalau begitu maka ianya terserahlah kepada kewibawaan ataupun kepimpinan di peringkat daerah tersebut sama ada ianya datang daripada seorang Wakil Rakyat, seorang Penghulu ataupun seorang Pegawai Daerah. Jadi, keadaan ini masih lagi tidak teratur dari segi pelaksanaannya.

Saya menekankan supaya Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini supaya mengesan di peringkat yang paling bawah supaya wujudnya satu penyelarasan di antara agensi-agensi daripada berbagai-bagai Kementerian yang ada peranan dan tanggungjawabnya untuk membangunkan kegiatan ekonomi di peringkat kampung. Saya menyebutkan tadi supaya EPU membuat kajian untuk off farm employment opportunities dan jika sekiranya kita hendak mewujudkan banyak peluang-peluang ataupun kegiatan-kegiatan ekonomi di peringkat kampung, maka cara yang paling berkesan ialah dengan wujudnya satu penyelarasan yang

lebih rapi di antara agensi-agensi yang mempunyai tanggungjawab di peringkat pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk memberi satu contoh yang lain, tetapi kalau sekiranya kita melihat satu bidang iaitu dari segi untuk membantu dan seterusnya melaksanakan dan mewujudkan sektor industri kecil sebagai satu contoh—sekali lagi saya lihat soal penyelarasan pelaksanaan ini adalah satu soal yang besar. Saya dapat mengesan bahawa Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini ada peranannya semasa tanggungjawab ini diletakkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan apabila dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya percaya unit ini juga akan diwakili dalam Jawatankuasa Penyelarasan tersebut, tetapi, Tuan Pengerusi, saya tidaklah begitu ghairah dengan pencapaian dari segi pelaksanaan berbagai-bagai agensi sama ada dari segi khidmat nasihat ataupun dari segi bantuan kewangan ataupun dari segi sokongan teknologi dalam membangunkan sektor industri kecil ini. Saya memberi contoh ini untuk sekali lagi menyeru Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini supaya sekurang-kurangnya mengemaskan usaha dan cara mereka bekerja untuk dua contoh yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 080000 iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi Emolumen yang berjumlah \$3.8 juta.

Tuan Pengerusi, saya pernah menanya dalam Dewan ini mengenai sama ada pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mempunyai satu national manpower planning untuk negara ini

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, butiran berapa ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Butiran 080000, muka surat 35.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dari jawapan yang diberikan kepada saya ialah tidak ada satu national manpower planning untuk negara ini, dan seterusnya jawapan itu mengatakan bahawa kalau hendak diwujudkan satu rancangan tenaga manusia untuk negara ini, maka soal itu ditunjukkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-kementerian yang lain. Jadi, ini adalah satu jawapan yang pada saya tidak menyenangkan kerana kita sudah berapa lama merdeka dan telah melalui beberapa peringkat pembangunan dan kita sudah berjaya membangunkan ekonomi kita dengan cara mempelbagaikan sektor pertanian dan sekarang kita cuba beralih kepada sektor perindustrian dan seterusnya sektor perkhidmatan. Walaupun begitu kita masih lagi tidak mempunyai satu plan atau satu rancangan dari segi pembangunan tenaga manusia yang teratur dan tersusun.

Saya tidak mengatakan bahawa jika sekiranya ada plan tersebut maka ianya akan memudahkan kerja-kerja kita, tetapi sekurang-kurangnya kita mempunyai unjuran-unjuran yang dapat mengesan perkembangan-perkembangan dalam struktur ekonomi kita dan juga dalam sektor-sektor ataupun industri-industri tertentu yang memerlukan jenis-jenis tenaga manusia dan dengan cara itu kita dapat memadamkan keperluan tersebut dengan penawaran-penawaran ataupun sumber-sumber untuk mengeluarkan tenaga-tenaga kerja tersebut sama ada ianya di peringkat ijazah, di peringkat diploma ataupun di peringkat sijil dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya sedia maklum bahawa MAMPU ini mempunyai tanggungjawab yang berbagai dari segi memodenkan tadbiran dan juga pengurusan, tetapi jika sekiranya jawapan yang diberikan kepada saya mengenai manpower planning untuk negara ini memerlukan kerjasama di antara MAMPU dengan Kementerian Buruh dan sewajarnya Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian-kementerian yang berkenaan maka tiba masanya untuk sesiapa juga yang sewajarnya mengambil inisiatif, yang pertama untuk membuat satu rancangan mewujudkan satu manpower planning untuk negara ini.

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 38, Maksud B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 020000, Bahagian Urusan Gaji dan Elaun.

Tuan Pengerusi, kepimpinan dalam negara ini untuk mewujudkan satu negara yang maju, yang moden tidak sekadar terletak pada bahu ahli-ahli politik sahaja, ianya juga sewajarnya dapat ditunjukkan oleh pihak pentadbir-pentadbir dan mereka yang melaksanakan dasar, program dan projek Kerajaan. Oleh yang demikian, kita sewajarnya mempunyai tenaga kerja pentadbiran dan pelaksanaan yang paling terbaik yang boleh kita dapati tidak kira di peringkat mana dan saya sudah berapa lama mempersoalkan perkara ini iaitu wujudnya perbezaan di antara perkhidmatan tadbiran dan diplomatik dengan perkhidmatan profesional di dalam negara kita ini dan perbezaan-perbezaan ini pada saya adalah suatu perbezaan yang cukup ganjil sekali, sebegitu rupa ianya mewujudkan satu suasana yang agak tempang dan rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang berkenaan terutama sekali di peringkat yang paling tertinggi. Mengapa, misalnya, saya ingin bertanya di sini, pihak kumpulan profesional tidak diberi kesempatan

untuk memimpin sesuatu Kementerian. Kalau sekiranya mereka mempunyai pengalaman yang luas dan berkeupayaan untuk memimpin sesuatu Kementerian dan sewajarnya tidak terhad kepada kumpulan yang masuk dalam bidang PTD sahaja.

Saya percaya bahawa sudah tiba masanya untuk memikirkan semula tentang perkara ini supaya tidak kepuasan hati itu tidak berlanjutan dan saya percaya jika sekiranya seseorang tadi tiba pada peringkat untuk memimpin secara profesional dalam bidang dan Jabatan tertentu, sewajarnya ia juga berupaya dan mempunyai pengalaman yang luas untuk memimpin di luar Jabatan mereka di peringkat yang paling tertinggi, yang merangkumi tidak kira sama ada profesionnya sendiri ataupun pentadbiran secara menyeluruh.

Satu lagi perkara yang hendak saya tekankan di sini ialah selain daripada kita mengambil mereka yang paling terbaik untuk memainkan peranan dan tanggungjawab mereka, maka sewajarnya kita mengikis rasa tiada keadilan yang wujud dan sikap tidak puas hati di kalangan mereka yang merasa dianaktirikan dalam perkhidmatan Kerajaan ini.

Satu lagi perkara yang hendak saya tekankan di sini ialah tidak sewajarnya masyarakat profesional ataupun kumpulan profesional ini semestinya dibanding dan diseiraskan dengan kumpulan PTD. Saya pernah bekerja di universiti untuk selama 10 tahun dan setiap daripada syarat perkhidmatan dan apa jua yang diperuntukkan untuk seorang Penserah tadi mesti dibandingkan dengan mereka yang berkhidmat di PTD, sehinggakan seorang Profesor yang diletakkan pada peringkat "C" disamakan dengan seorang yang bekerja di PTD di peringkat "C". Jika sekiranya seorang PTD di jawatan

Tertinggi "C" diperuntukkan dengan sebuah kereta Volvo, maka seorang Profesor berhak mendapat sebuah Volvo, akhirnya merata-ratalah Volvo di kampus Universiti Malaya misalnya.

Tuan Pengerusi, ini adalah suatu yang tidak logik sekali kerana seorang Profesor tidak memerlukan sebuah Volvo untuk pergi kerja. Kalau dia ke universiti dengan Morris Minor, maka itulah seorang Profesor. Dia memerlukan seorang secretary misalnya, dia memerlukan dua tiga penyelidik. Ini adalah sewajarnya peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada seorang Profesor, malahan jika sekiranya ia seorang Profesor, bukan seorang Ketua Jabatan, ia tidak ada siapa untuk membantu dari segi penyelidik, tidak ada siapa untuk menaip kerja-kerja beliau.

Jadi, Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang pada saya, saya tidak dapat menggunakan perkataan yang lebih baik, tetapi yang agak ganjil dari segi sikap, dari segi tafsir yang diberikan kepada seorang profesional seperti Pensyarah ataupun seorang Profesor. Lagi satu contoh yang boleh saya berikan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bolehkah ringkaskan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Akhirnya, Tuan Pengerusi, seorang penyelidik misalnya, ia hanya dapat dinaikkan pangkat jika sekiranya ia mempunyai pembantu-pembantu di peringkat "Timescale" ataupun "Senior Timescale" dan dia tidak memerlukan kemudahan-kemudahan seperti tersebut untuk membuat penyelidikan yang bermutu. Yang diperlukan ialah ganjaran yang meningkatkan minat beliau untuk membuat penyelidikan, kemudahan-kemudahan untuk membuat

penyelidikan. Tidak semestinya dia ditukarkan kepada satu bidang ataupun satu jenis kerja di mana kenaikan pangkat itu mesti dilihat kepada ianya mempunyai pembantu-pembantu di peringkat "Timescale" ataupun "Senior Timescale" dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran terakhir yang saya sebutkan di sini, saya menyeru kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam supaya kalaupun di masa-masa lalu sudah puas kami membidas tentang perkara ini, saya percaya bahawa perkara ini tidak logik lagi untuk diteruskan atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja beberapa pandangan daripada saya dalam perbahasan di dalam Jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehkah saya dapat tahu berapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk berucap di bawah Jabatan Perdana Menteri?—(10 orang). Saya rasa kita lanjutkan masa sehingga 5.30 petang, hanya 10 minit seorang. Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

4.36 *ptg*,

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sudah lama tunggu!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan buang masa, teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Merujuk kepada Maksud B. 12, Jabatan Perpaduan Negara, muka surat 45, Butiran 010000, 020000, 030200

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, muka surat berapa?

Dr Eng Seng Chai: Muka surat 45.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran?

Dr Eng Seng Chai: 010000, 020000, 030000, 030200—Pentadbiran Am, Perancang dan Penyelidikan, Perhubungan Masyarakat dan Pendidikan.

Tujuan program Perpaduan Negara mengikut dalam buku Anggaran adalah "membantu Kerajaan dan menggalakkan perhubungan muhibbah antara kaum serta memupuk perpaduan integrasi nasional". Tetapi, Tuan Pengerusi, sudah 30 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, mengapa hari ini selepas 30 tahun sejarah kemerdekaan, kita memerlukan satu Jabatan Perpaduan Negara? Adakah kita tidak dapat menyatupadukan semua masyarakat

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sekarang bincang perkara Perancang dan Penyelidikan?

Dr Eng Seng Chai: Semua.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh semua.

Dr Eng Seng Chai: Sekaligus—Pentadbiran, Perancang dan Penyelidikan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tumpukan ucapan atas satu-satu bekalan ya!

Dr Eng Seng Chai: Sekarang Perancang dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Perancang dan Penyelidikan.

Dr Eng Seng Chai: dan Perhubungan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu lain, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Ada juga.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau you hendak menyentuh satu perkara

Dr Eng Seng Chai: Ini dua gabung sekali, saya sentuh sekali.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau begitu

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi beri 10 minit sahaja. Kalau beri saya satu jam, saya boleh sentuh satu-satu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Perancang dan Penyelidikan dahulu, selepas itu boleh

Dr Eng Seng Chai: Saya cuba. Saya merasa sangat malu sebagai seorang Ahli Parlimen hari ini saya perlu menyentuh perkara Perpaduan Negara. Adakah salah Kerajaan Perikatan, MIC, MCA dan UMNO sebelum Kerajaan Barisan Nasional yang terdiri daripada 13 parti-parti politik? Adakah kesalahan atau kesilapan mereka hari ini kita perlu satu Jabatan Perpaduan Negara? Kalau saya ingat pengalaman saya semasa sebelum tahun 1957, kita pergi ke sekolah tidaklah menghadapi masalah tidak bersatu-padu dengan kawan-kawan sedarjah, bermain, makan dan pergi ke mana-mana bersama-sama sekali. Tetapi hari ini kita terdapat di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah, di institusi-institusi tertinggi, kita dapati masalah tidak dapat bersatu-padu semua kaum, semua rakyat, semua murid, semua mahasiswa dan mahasiswi. Mengapa? Pihak Barisan Nasional menuduh DAP yang salah, tetapi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tumpukan ucapan Yang Berhormat kepada

Dr Eng Seng Chai: Perancang dan Penyelidikan, dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dengar, duduk dahulu.

Peraturan Mesyuarat 66 (12) yang mengatakan:

" perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan",

dasar khidmatan, jangan sentuh dasar Barisan Nasional. Kita tidak boleh bincangkan itu di sini.

Dr Eng Seng Chai: Boleh saya teruskan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Hadkan perbahasan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan.

Dr Eng Seng Chai: Betul, saya sentuh atas dasar tugas Jabatan Perpaduan Negara. Saya beri alasan dahulu. Selepas itu saya ikut dengan apa yang saya hendak sentuh. Tetapi hari ini kita dapatlah satu soal "peribumi". Siapa yang menimbulkan soal peribumi? Siapa yang akan memecah-belahkan masyarakat rakyat Malaysia? Ini bukanlah pihak DAP, bukan pihak Cina sahaja, tetapi adalah pihak parti-parti komponen Barisan Nasional sendiri. Mengapa mereka tidak mematuhi disiplin, tatatertib, pemerintahan dari Jemaah Menteri

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat faham apa yang saya katakan tadi?

Dr Eng Seng Chai: Paham. Saya hendak katakan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jabatan Perpaduan Negara—Perancang dan Pendidikan. Bincanglah dasar itu.

Dr Eng Seng Chai: Itulah yang saya hendak tanya di sini. Saya hendak minta mereka menyelidik masalah ini, merancang bagaimana hendak mengatasi masalah ini? Saya hendak minta mereka buat, maka itulah saya beri satu contoh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan keluar dari tajuk ini.

Dr Eng Seng Chai: Tidak keluarlah, Tuan Pengerusi. Ini saya memberi "the prologue"

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat membincangkan

Dr Eng Seng Chai: Okaylah. Saya akan sentuh pendidikan iaitu Butiran 030200. Saya minta satu tugas Jabatan Perpaduan Negara. Ini adalah pendidikan. Tetapi siapa perlu pendidikan, menyatu-padukan rakyat Malaysia? Bukanlah rakyat Malaysia? Saya kata Menteri-menteri dan ketua-ketua semua parti-parti Barisan Nasional yang perlukan pendidikan. Pendidikan macam mana cara kita menyatu-padukan semua rakyat Malaysia.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak beri jalan. Sepuluh minit sahaja, Tuan Pengerusi. Jika Tuan Pengerusi beri injury time, saya beri peluang kepada semua. Saya serahkan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya boleh beri injury time.

Dr Eng Seng Chai: Boleh, jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Susah kira itu. Teruskan Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari wakil Petaling Jaya mengenai Pendidikan Perpaduan Negara yang disebutkan itu. Kita semua tidak boleh nafikan, kita semua sedar bahawa pihak DAP telah membangkitkan perkara perkauman ini semenjak pilihanraya yang lalu. Ertinya pihak DAP telah memulakan pendidikan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, ini dia mengambil kesempatan berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Di sini saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat wakil dari Petaling Jaya tentang sikap DAP mengenai perkauman yang dibicarakan itu.

Dr Eng Seng Chai: Perkara yang saya sebutkan tadi tidak bersangkutan dengan permintaannya. Jangan minta kesempatan lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Perkara yang sedang kita bincangkan tidak bersangkutan dengan perkara yang dibahaskan di sini. Teruskan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tujuan pendidikan dalam buku ini "untuk melahirkan rakyat yang bertanggungjawab melalui aktiviti pendidikan dengan lebih penekanan kepada perhubungan sosial dari segi hormat menghormati dan toleransi serta saling persefahaman". Adakah

saling bersefahaman antara parti komponennya yang menjadi ketua-ketua, pemimpin-pemimpin negeri ini? Dia tidak beri teladan yang baik yang boleh dicontohi oleh rakyat-rakyat menyatu-padukan

Tuan Mohamad bin Abdullah:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhonnat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Adakah saya dapat injury time?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti. Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order ini.

Tuan Mohamad bin Abdullah: 36 (1) patutnya Yang Berhormat membincangkan masalah yang berkaitan dengan tajuk ini sahaja. Tetapi soal yang dibangkit ialah soal pemimpin Barisan Nasional. Ini sudah keluar daripada tajuk.

Dr Eng Seng Chai: Tajuknya, pendidikan.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Mana ada pendidikan. Itu soal pemimpin Barisan Nasional, bukan soal pendidikan yang menyentuh tentang tajuk yang kita bahaskan ini. Terkeluar. Minta berhenti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, teruskan, jangan menyentuh perkara Barisan Nasional dan lain-lain. Ini hanya Jabatan Perpaduan Negara. Sekarang Yang Berhormat bincang soal pendidikan.

Dr Eng Seng Chai: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dasar itu.

Dr Eng Seng Chai: Ya, saya faham, saya sudah kata, satu tugas Jabatan Perpaduan Negara adalah memberi pendidikan dan rakyat termasuk Menteri, bukan? Menteri, bukan rakyat? Ketua-ketua parti-parti komponen Barisan Nasional bukankah rakyat? Tidakkah mereka mendapat sedikit pendidikan.

Tuan Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa?

Tuan Mohamad bin Abdullah: Penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan lagi, kalau penjelasan.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Point of order.

Dr Eng Seng Chai: Point of order berapa?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Mohamad bin Abdullah: 36 (1)—kalau menyentuh tentang soal pemimpin Barisan Nasional, kenapa tidak turut disentuh tentang pemimpin DAP yang juga tidak memperlihatkan unsur-unsur pendidikan yang baik yang boleh menyatu-padukan kaum. Minta penjelasan (*Sorak*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, point of orderkah atau penjelasan? (*Ketawa*)

Dr Eng Seng Chai: Itu bukan point of order, Tuan Pengerusi, dia ambil kesempatan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk.

Dr Eng Seng Chai: Tunggu awak punya chancelah pula. Awak mahu tegur, saya tunggu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya harap Jabatan Perpaduan Negara akan mengambil langkah-langkah bukan untuk mendidik rakyat Malaysia sahaja tetapi juga ada membuat langkah-langkah mendidik ketua-ketua pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Itu sahaja. Butiran ini saya tidak akan sentuh banyak, fasal banyak yang sensitif, iaitu sensitive issue.

Merujuk kepada B. 1 muka surat 25, Butiran 010000—Urusan Parlimen, 010100—Pentadbiran Parlimen, 0100200

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Dr Eng Seng Chai: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Utis: Tuan Pengerusi, mengenai Peraturan Urusan Mesyuarat, tadi Yang Berhormat kata, "it is sensitive issue", tidak minta kebenaran tadi, Tuan Pengerusi. Itu bahasa Inggeris.

Dr Eng Seng Chai: Bukan. Saya hendak sentuh, tetapi banyak ahli yang anggap sensitif, saya tidak anggap sensitif, saya hendak sentuh semuanya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka berapa Yang Berhormat?

Dr Eng Seng Chai: Muka 25.

Seorang Ahli: Jangan kacau.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Yang Berhormat tadi mengatakan

perkataan "sensitive issue", sedangkan perkataan itu perkataan luar, dia tidak ada minta kebenaran Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak Yang Berhormat. Dia tidak hendak sentuh isu sensitif (*Tepuk*).

Dr Eng Seng Chai: Saya suka sentuh semua tetapi banyak Ahli anggap itu sensitif.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, muka 25, Butiran berapa?

Dr Eng Seng Chai: Butiran 010000; 010100; 01

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu-satu Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Semua Parlimen, semua sekali gus.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Pentadbiran Am.

Dr Eng Seng Chai: Satu sebab mengapa hari ini negara kita mendapat kemelesetan ekonomi yang teruk sekali dan tidak dapat kita baik-pulih setakat hari ini adalah satu krisis keyakinan, bukan krisis keyakinan dalam Kerajaan Barisan Nasional sahaja tetapi juga adalah juga krisis keyakinan kepada Dewan yang mulia ini. Fasal orang-orang bakal pelabur menganggap satu Dewan Parlimen patut jadi satu majlis perundangan tertinggi, yang agung, yang akan bertindak dengan bebas, tetapi setakat hari ini kita dapat tahu tidak ada apa tindakan akan diambil atas seorang Ahli Parlimen, yang ada lagi layak menjadi Ahli Parlimen iaitu Ahli dari Gopeng. Ia telah dituduh dan sudah pun dipenjarakan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk sekejap!

Dr Eng Seng Chai: Perkara Parlimen, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Perkara Parlimen, bincanglah dasar Parlimen. Apa berkenaan dasar Parlimen dengan Ahli Yang Berhormat dari Gopeng. Tiada apa-apa keputusan yang sudah dibuat (*Tepuk*). Yang Berhormat hanya ada dua minit lagi termasuk injury time (*Ketawa*).

Dr Eng Seng Chai: Macam mana Tuan Pengerusi kira. Termasuk injury time, kurang-kurang 10 minit

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan /ubir bin Embong: Tuan Pengerusi, point of order. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu melawan dengan arahan Tuan Pengerusi.

Dr Eng Seng Chai: Mana saya lawan, saya merayu sahaja. Tidak faham, duduklah, jangan membuang masa saya sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan

Tuan Zubir bin Embong: Jangan masuk apilah.

Tuan Pengemsi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, duduk sekejap, Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, saya patuhi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apabila seorang Ahli Yang Berhormat bangun atas point of order, Yang Berhormat tidak boleh berbahas dengan dia, lain kali saya hendak ambil tindakan (*Tepuk*).

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya faham.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan. Dua minit.

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah kata sebagai sebuah Parlimen kita patut jadikannya sebagai satu majlis perundangan yang tertinggi, yang agung, yang bebas, yang sepatutnya di mana kita ambil tindakan untuk mempertahankan maruah, keunggulan Dewan ini, kita patut bertindak tetapi setakat hari ini, saya merasa sedih, saya ragu, tidak dapat kita ambil tindakan singkir, buang atau kosongkan kerusi Ahli Yang Berhormat dari Gopeng. Saya

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk. Sudahlah Yang Berhormat, tamatkan, duduk!

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya belum habis lagi, ada banyak hal.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuantan.

4.51 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, selepas rancangan **gusti** saya hendak **buat rancangan** yang tidak **gusti**.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka berapa Yang Berhormat,

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Nanti Yang Berhormat, saya hendak teruskan. Muka surat 25, B.1—Butiran 010100 hingga 010200.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu persatu Yang Berhormat. Yang pertama Pentadbiran Am?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya rasa, Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran seluruhnya kerana saya membuat catatan ini berdasarkan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Susah pastikan kalau ada relevankah tidak kalau Yang Berhormat campur semua.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya sebenarnya membuat reaksi kepada apa yang diperkatakan dalam Dewan ini mengenai

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan buat reaksi Yang Berhormat, tolong patuhi Peraturan Mesyuarat 66 (12).

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Baik. Tuan Pengerusi. Butiran 010100 saya sudah lupa catatan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Pentadbiran Am!

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Pentadbiran Am dan Kewangan. Saya ingin menyentuh tentang Dewan yang mulia ini yang dianggap begitu terhormat. Saya masih ingat ketika berlakunya exchanges, dengan izin, yang begitu hangat antara Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan saudara kita Ahli dari Tanjong beberapa minggu lepas. Walaupun ini sudah pun merupakan sejarah, tetapi ekoran selepas itu saya agak sedih kerana salah seorang kanak-kanak, salah seorang murid yang berada di gallery sana, dengan izin, adalah merupakan seorang anak jiran saya. Jadi impression yang dia dapat adalah negatif dan saya pun seolah-olah dianggap seorang manusia yang negatif juga di dalam satu Dewan yang mulia ini. Oleh itu kata-kata "decorum" atau istilah "decorum" yang dirayukan oleh Tan Sri Yang di-Pertua di pembukaan Dewan ini beberapa minggu lepas seolah-olah tidak dihandar langsung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli

Yang Berhormat dari Kampar ada on point of order.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Point of order 66 (12). Perkara yang disebutkan itu langsung tidak bersangkutan-paut dengan dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Silakan Yang Berhormat.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jadi lagi satu ialah saya rasa berkaitan dengan apa yang berlaku di Dewan ini juga tadi Ahli dari Arau

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Pengerusi, point of order 66 (12).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Kampar kata tidak ada relevant, apa Yang Berhormat kata?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dengan dasar.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sebenarnya kita memperkatakan dasar. Daripada awal lagi telah dikatakan pada saya jangan kita memperkatakan "paku" dan sebagainya dalam membuat rumah, kita hanya memperkatakan konsep rumah itu. Jadi saya memperkatakan konsep Dewan ini. Konsep Dewan ini bukan fizikal, mental dan segala-galanya yang tidak nampak, yang abstract itupun dipanggilkan konsep. Jadi apa yang tidak relevannya di sini. Saya tidak memperkatakan "paku" ataupun apa-apa pasakkah tetapi saya menyatakan keseluruhannya. Jadi, saya teruskan, Tuan Pengerusi.

Lagi satu ialah saya rasa banyak sangat diulang-ulang ungkapan seperti krisis keyakinan dan sebagainya. Ini pun berlaku di dalam Dewan ini. Sudah banyak dikatakan, sudah banyak ditekankan, jangan sibukkan krisis keyakinan, Jambatan Pulau

Pinang krisis keyakinan, itu dan ini semuanya krisis keyakinan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila menumpukan ucapan di atas urusan Partimen—Pentadbiran Am

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Baiklah, Tuan Pengerusi. Jadi saya sebenarnya lanjutan daripada apa yang dibincangkan di dalam Dewan ini tidak pernah disentuh apabila orang lain bercakap maka saya rasa perkembangan itu logik dan saya suarakan semula untuk membetulkan ataupun untuk memberi cadangan-cadangan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya habiskan butiran itu kerana banyak gangguan, entah apa yang dimarahkan sangat. Saya rasa perkara-perkara ini ialah perkara-perkara kecil sahaja. Apa salahnya kita sentuh untuk kebaikan Dewan yang mulia ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berpindah pula kepada Maksud B.7, muka surat 33 Butiran 010700 iaitu Urusetia Lembah Kelang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Muka surat 33. Maksud B.7, Butiran 010700—Urusan Lembah Kelang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Urusetia Lambah Kelang.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jadi, Tuan Pengerusi, saya sebenarnya rasa bangga bahawa adanya sebuah Urusetia mengenai Lembah Kelang ini mencerminkan betapa seriusnya, betapa bersungguh-sungguhnya Kerajaan dalam memberi perhatian terhadap kemajuan, perkembangan dan seterusnya masa depan Lembah yang paling mewah, Lembah yang saya rasa yang paling berbahagia'di

sebuah negara Malaysia ini sekiranya Lembah ini dianggap atau dikeluarkan sebagai satu kawasan ianya boleh dianggap sebagai sebuah negara yang sudah membangun kerana segala infrastruktur, segala variable yang ada dengan izin, di dalam kawasan ini ianya menunjukkan lain ataupun paling unik di negara Malaysia ini. Kalau perlu saya sebutkan ianya dari segi statistik dikatakan mempunyai per kapita dari segi pemilikan video yang paling tinggi di dalam dunia.

Tuan Pengerusi, yang hendak saya tekankan ialah sebuah kawasan seperti Lembah Kelang ini haruslah menghadapi masa depan yang penuh perancangan kerana sebagai sebuah kawasan yang begitu mewah, yang diduduki oleh orang yang paling berbakat di Malaysia, yang paling kaya dan paling qualified, dengan izin, di seluruh Malaysia ini harus dikongsi sama oleh semua kaum, oleh semua pihak dan oleh semua kategori dengan izin, di negara kita Malaysia ini.

Dalam perhitungan saya berdasarkan statistik ianya mempunyai penduduk kira-kira 3 juta orang dan semua kaum mewakili kawasan yang begitu mewah ini.

Jadi kalaulah tanpa perancangan, kawasan ini hanya dimonopoli oleh sesuatu kaum, ianya tentulah tidak memberi satu gambaran yang realistik terhadap kemajuan, terhadap perancangan dan terhadap dasar ekonomi negara ini juga dasar-dasar utama Kerajaan kita, khususnya Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini sejak merdeka lagi.

Sebenarnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Urusetia Lembah Kelang ini. Saya berharap agar Urusetia ini terus membuat perancangan yang begitu baik supaya tidak berlaku displacement di antara kaum di dalam kawasan ini dan

menuju pembangunan yang tentunya diracangkan untuk membawa faedah, untuk membawa kebaikan kepada seluruh rakyat, seluruh penduduk, yang menghuni kawasan yang mewah ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa di Lembah ini terdapatnya Ibu Negara kita, terdapatnya projek-projek besar seperti HICOM dan sebagainya lagi dan mempunyai kemudahan komunikasi yang paling advanced, yang paling maju dan mempunyai infrastruktur kewangan, infrastruktur industri dan sebagainya yang tentu paling maju juga. Jadi, saya harap dan saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan di dalam perancangan seperti yang dijalankan oleh Urusetia mi, perhitungan kadar kaum-kaum yang ada di negara ini hendaklah diberikan keutamaan, hendaklah diberikan pertimbangan serius supaya dasar perpaduan, dasar integrasi kita boleh tercermin dengan baik di dalam segala pelaksanaan yang bakal ataupun sedang dilakukan di Lembah ini.

Tuan Pengerusi, saya berpindah pula kepada muka surat 34, Maksud B.7, Butiran 030000—Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Saya bersetuju dengan apa yang Ahli Yang Berhormat daripada Ledang sebutkan tadi. Oleh kerana banyak yang telah beliau perkatkan, saya hanya ingin bertumpu kepada soal ASN. Menurut catatan di dalam buku Belanjawan dan juga Laporan Bank Negara, pemegang unit saham ASN sekarang ialah kira-kira 2 1/2 juta orang. Ini tentunya merupakan satu perkembangan, suatu usaha yang baik di pihak ASN, PNB ataupun Kerajaan pada amnya di dalam menarik minat melabur di kalangan kaum bumiputera di seluruh negara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih. Jadi, Tuan Pengerusi, kita pun tahu ASN ataupun PNB ini merupakan satu "political brain child", dengan izin, iaitu satu keputusan politik, tetapi saya mendapat tahu bahawa Badan yang begitu penting bagi bumiputera ini yang dibuat menerusi satu keputusan politik, dengar-dengarnya tidak mempunyai ahli-ahli politik langsung di dalam pucuk pimpinan Badan ini baik di peringkat Lembaga ataupun Pengurusan. Saya tidak tahu kenapakah ini berlaku. Tetapi sekiranya masih lagi belum ada, kita harus juga mempunyai input politik yang agak kuat yang terdiri daripada ahli-ahli politik kita supaya ianya mewajarkan perkembangan yang memungkinkan tertubuhnya ASN sejak beberapa tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, lagi satu point ialah mengenai Maksud B. 8, muka surat 38, Butiran 010000 dan Butiran 020000—JPA. Sebenarnya saya tidak mahu menambahkan apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang mengenai pertentangan ataupun perbezaan layanan di antara kakitangan, dengan izin, professional dengan administrative itu. Tetapi saya ingin membuat sedikit sentuhan di sini, iaitu beberapa minggu lepas, Ketua Setiausaha Negara telah mengakui bahawa pentadbir-pentadbir khususnya dan pegawai-pegawai Kerajaan amnya tentu sekali mempunyai kepentingan-kepentingan peribadi dalam Perkhidmatan Kerajaan. Oleh kerana adanya kepentingan itu maka mereka merancang peluang dan prospect masa depan mereka di dalam mendaki tangga kerjaya di dalam Perkhidmatan Kerajaan,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya. Jadi, dalam pada itu berlakulah, saya rasa langkah-langkah memperbanyakkan peluang-peluang naik pangkat, peluang-peluang secondment, dengan izin, dan peluang-peluang seperti mengambil cuti belajar penuh masa dan penuh gaji, umpamanya. Dalam keadaan ekonomi yang baik, saya rasa segala perancangan ini adalah wajar, tetapi dalam keadaan yang meleset sekarang ini, saya ingat perancangan seperti ini harus diulangkaji semula, kalau-kalau boleh ditangguhkan, kalau pun tidak boleh dimendapkan terus supaya kecenderungan menimbulkan peluang untuk kerjaya tanpa memikirkan dari segi hasilnya benda ini boleh diberkesankan. Kerana kalau dibandingkan dengan pihak swasta, perancangan untuk menaikkan career

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Satu, dua ayat lagi, Tuan Pengerusi—ialah selalunya diselaraskan dengan memperbanyakkan niaga, barulah disusuli dengan peluang naik pangkat, peluang pekerjaan dan peluang kenaikan gaji.

Jadi, dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Marang.

5.05 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, merujuk kepada halaman 33, Maksud Bekalan 7, Jabatan Perdana Menteri, Butiran 010000—Pentadbiran dan 010800—Biro Tatanegara,

Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kepada ucapan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri di New York baru-baru ini yang antara lain menyatakan maksudnya bahawa Kerajaan akan merancang dan memberi latihan kepada bekas-bekas pelajar, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, pelajar-pelajar yang keluar negeri dan pemimpin-pemimpin masyarakat bagi menanamkan semangat cintakan negara. Maka berdasarkan kepada hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang murni ini, serta menyedari bahawa Biro Tatanegara yang merupakan salah satu badan penyebar, penglahir dan penanam semangat cintakan negara maka amatlah perlu peranan dan fungsi Biro Tatanegara diperkemas, diperluas dan dipertingkatkan tanggungjawab dan jaringan bidang tugasnya agar Biro Tatanegara benar-benar menjadi sebuah institusi kewarganegaraan yang benar-benar bekesan, berkeupayaan dan mampu menghadapi sebarang masalah yang timbul. Sejauh ini kita menyedari bahawa Biro Tatanegara telah, sedang dan akan berusaha menyemai nilai-nilai yang baik seperti bersih, cekap, amanah, rajin, progresif, jujur dan sebagainya. Beban tugas ini adalah besar dan mencabar sekali, tambahan dalam suasana dan iklim negara kini.

Saya kira beban Biro semakin bertambah dan mencabar. Oleh itu beberapa langkah awal perlu dimulakan dari sekarang. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan bagi pandangan saya ialah:

- (i) tenaga;
- (ii) pusat-pusat latihan;
- (iii) peruntukan; dan
- (iv) sukatan pelajaran.

Dari segi tenaga ianya perlulah ditambah dan dibesarkan, matah kekosongan jawatan yang ada patut dipenuhi. Seramai 26 orang pegawai Biro Tatanegara yang ada, saya kira

masih tidak mencukupi melayan permintaan untuk berkursus dan berceramah dari seluruh negara. Kekosongan 6 jawatan yang ada perlu diisikan segera malah perlu ditambah lagi. Pegawai Biro Tatanegara pula seharusnya merata dan bercabang sifat profesionalismanya seperti ahli ekonomi, agama, sejarah, kejuruteraan, doktor, peguam dan lain-lain agar tidaklah stereotyped, dengan izin, sifatnya. Ini adalah penting bagi meninggikan lagi tahap keyakinan pendengar dan penerimanya kelak. Disebabkan Biro Tatanegara terlibat secara langsung dengan alam dan pemikiran manusia maka pegawai-pegawainya serta para pemimpinnya mestilah diutamakan kepada mereka yang peka pada alam sekeliling, mahir dan faham pemikiran manusia. Kalau boleh, biarlah mereka itu benar-benar berupaya menjadi model kepada pimpinan yang dipimpinya.

Kedua, pusat-pusat latihan pula perlulah banyak, malah ibu-ibu pejabat di peringkat Wilayah, kawasan yang berdasarkan zon-zon seperti zon Pantai Barat, Pantai Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak perlulah diadakan secara tetap dan kekal, bukan satu sahaja seperti yang diadakan di Jalan Bellamy, Kuala Lumpur sekarang. Jelasnya badan induk memerlukan pusat-pusat latihan di peringkat Wilayah atau kalau mungkin di peringkat Negeri-negeri. Ini adalah penting bagi mempastikan semua zon merata dan berkesan perjalanan dan gerakan Biro Tatanegara.

Saya suka juga mengesyorkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri bahawa untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan dinamis maka pendekatan dan sukatanannya perlulah diperbarui. Sukatannya haruslah menjurus kepada penyatuan satu bentuk rupa bangsa Malaysia di mana

ketiga-tiga kaum terbesar Melayu, Cina, India seharusnya mempunyai semangat nasionalisme Malaysia yang tulin, tidak lagi melihat keakuan, keMelayuan untuk Melayu, keCinaan untuk Cina, keIndiaan untuk India.

Bagi melaksanakan semangat nasionalisme Malaysia ini asas-asas dan citarasa pribumi serta nilai baik, semangat lain-lain kaum seharusnya digabungkan sama dan dipakukan ke dalam satu acuan semangat yang tegas, berani dan jujur.

Kita juga ingin melihat semaian semangat cintakan negara tidak sahaja berkisar di katangan pelajar-pelajar atau bekas pelajar malah juga turut menembusi kalangan-kalangan yang lain seperti kakitangan-kakitangan Kerajaan, para pemimpin masyarakat, pertubuhan sukarela, badan-badan, persatuan dan lain-lain.

Oleh itu skop dan bidang tugas Biro Tata Negara perlulah disemak dan dikaji kembali. Tugas ini memanglah berat dan mencabar, namun itulah landasan kearah pembinaan masyarakat Malaysia yang harmoni dan berdisiplin.

Oleh itu peranan, fungsi, bidang tugas dan sukatannya perlulah disemak dan perbaharui. Jelasnya bagi menambahkan tenaga kakitangan Biro Tata Negara, pusat-pusat latihan penyusunan sukatan pelajaran, kuliah dan pendekatan baru ianya memerlukan peruntukan yang lebih besar. Saya kira peruntukan sebanyak \$2,372,300 ini boleh ditambah lagi bila mana kita menyedari fungsi Biro Tata Negara bertambah dari semasa ke semasa dan keberkesanan peranannya selama ini, tambahan lagi dalam menghayati kecintaan kepada negara dan mengurangkan polarisasi kaum yang agak menonjol dewasa ini.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh iaitu mengenai Maksud B.8—Jabatan Perkhidmatan Awam, halaman 38, Butiran 030000 mengenai

perjawatan. Memandangkan keadaan kewangan negara yang agak tenat dan tiada tanda-tanda ekonomi akan pulih, maka saya mencadangkan agar semua jawatan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak lebih kurang 200,000 yang masih belum diisi termasuk jawatan mereka yang berpenyen baik di peringkat pusat, negeri dan daerah terus tidak diisi. Jawatan-jawatan tersebut perlu dimansuhkan. Saya kira kakitangan Kerajaan yang kini berjumlah lebih kurang 890,000 orang sudah mampu untuk memberi khidmat kepada rakyatnya berjumlah kira-kira 15 juta orang ini. Apa yang perlu dibuat ialah peningkatan atau dimaksimakan lagi tenaga serta keupayaan mereka. Yang perlu ialah khidmat mereka yang cekap dan berkesan dan bukannya meramaikan tenaga. Dalam keadaan negara sekarang, kita tidak perlu kuantiti tetapi kualiti.

Oleh itu saiz kakitangan Kerajaan yang ada sekarang perlulah dikekalkan. Kita pun tidak tahu apakah saiz yang terbaik bagi Kerajaan berdasarkan jumlah kakitangannya dengan bilangan penduduk, kalau boleh mohon diberitahu.

Saya juga ingin menarik kepada Butiran 060000 mengenai dengan pencen. Saya berpendapat

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Muka yang sama, Saya berpendapat Kerajaan patutlah mengadakan satu syarat baru iaitu kakitangan yang telah pun pencen walau atas apa alasan sekalipun tidaklah perlu diambil semula untuk berkhidmat, berilah peluang kepada orang baru, mudah-mudahan pengangguran akan berkurangan.

Kedua, hal yang sama mengikuti iaitu mengenai dengan produktiviti. Produktiviti hendaklah diukur kepada tahap yang dikehendaki bukannya kepada seruan dan panggilan misalnya kalau kita berkehendakkan seorang Pegawai Daerah atau seorang Kerani meningkatkan produktiviti, kita boleh melihat menilai dari keupayaannya menyelesaikan kes-kes yang dihadapi, dihasilkan idea dan cadangan-cadangan baru, memaksimumkan jumlah kuantiti bahan atau barang yang diperlukan, keakuratan dan kelebihan masa kerja, kecekapan daya tindak serta daya fikirannya serta lain-lain yang seumpamanya. Lebih jauh lagi marilah kita ambil satu contoh.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Seterusnya merujuk kepada Butiran Latihan dan Kemajuan Kerjaya ialah mengenai dengan keikhlasan, kesetiaan dan kesediaan khidmat mereka kepada negara. Kakitangan Kerajaan di samping ramainya pekerja untuk keharmonian dan kesejahteraan negara terdapat juga yang berkhidmat semata-mata kerana gaji, kuasa dan kedudukan. Rasa cinta dan kasih kepada negara adalah menjadi perkara yang kedua, oleh itu wujudlah kes-kes curang, penyelewengan, penipuan, tamak, haloba, tidak bersemangat, kurang berdisiplin dan sebagainya.

Unsur-unsur negatif ini lahir akibat kurangnya rasa amanah, rasa cinta dan setia kepada negara. Ramai pegawai Kerajaan diambil bekerja berdasarkan kelayakan temuduga dan surat-surat sokongan; ikut penjahaj. Jarang sekali yang berdasarkan kepada rasa cinta dan rela berkorban kepada negara, bangsa dan tanahairnya sedangkan ianya merupakan aspek terpenting dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pentadbir dan kakitangan Kerajaan.

Oleh itu saya kira sudah sampai masa dan ketikanya, syarat keempat iaitu kasih dan cintakan kepada negara diberi keutamaan lebih jelas lagi pemohon-pemohon yang mempunyai sijil-sijil seperti pemupukan semangat bena diri, kursus Biro Tata Negara dan lain-lam diberikan keutamaan. Malah kepada kakitangan Kerajaan sekarang, pertama tingkatan khas tertinggi, misalnya kategori A, perlulah diwajibkan mengikuti kursus-kursus pembinaan semangat dan cintakan negara seperti yang dilakukan oleh jiran kita iaitu Indonesia. Sebab itulah semangat nasionalisme orang-orang Indonesia begitu menebal. Oleh itu aspek latihan dan kemajuan kerjaya perlulah disemak kembali dan diperbaharui target, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan butiran perkara ketiga, iaitu Unit Tenaga Nuklear di halaman 35. Unit ini jelas bertujuan memperkenalkan teknik nuklear untuk tujuan keamanan, menjalankan penyelidikan, mengawal pencemaran di Malaysia. Jadi, fungsi UTN sebenarnya bukanlah melahirkan reaktor untuk kuasa buat senjata dan sebagainya, yang lebih utama adalah untuk kepentingan dan kemajuan sosio ekonomi rakyat Malaysia, misalnya dalam bidang perubatan, pertanian, industri, pendidikan, pelajaran dan penyelidikan yang berkaitan. Dalam bidang perubatan, misalnya UTN dapat menghasilkan radio isotop untuk tujuan diagnosis dan therapy. Dalam bidang pertanian, radio isotop dapat digunakan untuk meningkatkan mutu baja, panjangkan masa ketahanan dan kesegaran kesuburan makanan seperti padi dan sayur-sayuran.

Dalam bidang industri UTN sentiasa berusaha meningkatkan mutu bahan barangan misal kayu-kayu tempatan yang menggunakan bahan

sinar. Oleh itu keistimewaan dan kepentingan tenaga nuklear jelas sekali dapat meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk, terutamanya penduduk luar bandar. Soalnya sekarang sejauh manakah ianya dapat difahami dan dimanfaatkan oleh mereka. Bila disebut sahaja Unit Tenaga Nuklear ataupun dahulunya PUSPATI, mereka ingat tentang perang nuklear, bukan tentang soal sosio ekonomi yang boleh dimanfaatkan.

Oleh itu tindakan yang lebih menyeluruh, luas, efektif perlulah dilakukan dari sekarang dan seelok-eloknya lesen-lesen menggunakan tenaga nuklear kepada syarikat, kilang atau orang perseorangan dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk perlulah diberi perhatian oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Maksud B,7—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 020000, Unit Perancangan Ekonomi, Kod 1000, 2000, 3000, 4000 dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Butiran 030000 dan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Butiran 070000, halaman 34 dan 35, iaitu saya merasa bangga dan berterima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah meletakkan 70% daripada perbelanjaan negara kepada kesejahteraan penduduk-penduduk luar bandar yang ternyata begitu ketinggalan walaupun telah 30 tahun mencapai kemerdekaan.

Bagi kita Ahli-ahli Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri patutlah diberi peranan yang lebih jelas, besar dan berkesan tanggungjawabnya dalam menentukan pembangunan luar bandar itu supaya merata dan adil sifatnya. Hubungkaitnya dengan pentadbir tempatan dan penerima pembangunan perlu diberi fahaman yang lebih jelas dan menyeluruh. Satu garispanduan

yang jelas dan tegas perlulah diberikan kepada mereka, mudah-mudahan mereka akan lebih mudah menyertai dan memahami mana satu yang perlu diutamakan dan dikemudiankan agar hasrat Kerajaan memberi perantukan yang begitu besar dan usaha mencapai maksudnya tercapai.

Saya juga ingin mencadangkan agar pembangunan perindustrian mula ditumpukan di kawasan luar bandar secara sungguh-sungguh. Industri kecil terutamanya dan juga ringan kosnya perlulah diadakan dari masa ke semasa. Langkah ini adalah penting memandangkan kadar pengangguran di luar bandar makin meningkat dari masa ke semasa. Kita bimbang kiranya keadaan ini terus berlarutan, penyakit sosial yang lebih hebat akan terjadi.

Saya juga ingin menyentuh tentang masalah kemiskinan Melayu yang berkait rapat dengan keadaan dan kedudukan masyarakat luar bandar. Matlamat membasmi kemiskinan ini jelas terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru yang masih jauh mencapai kejayaan. Kebanyakan petani Melayu mempunyai tanah pertanian yang luasnya hanya satu perempat hingga tiga perempat ekar. Semenanjung sahaja hampir dua juta petani Melayu mempunyai tanah pertanian yang luasnya hanya satu per empat hingga tiga per empat ekar. Angka ini bukanlah satu angka yang kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Melayu yang seramai tujuh-setengah juta orang itu. Luas tanah yang seperti ini adalah tidak produktif, tidak ekonomik dan menjejaskan pengeluaran. Adalah tidak praktikal untuk meningkatkan mutu pengeluaran hasil-hasil pertanian di tanah-tanah yang kecil dengan cara menyarankan teknologi moden dan per jenteraan yang up-to-date, dengan izin.

Perkara yang perlu ialah mengadakan tanah-tanah pertanian yang lebih luas sifatnya, misalnya

dalam bentuk ladang dan estet sebagaimana yang dibuat oleh FELDA atau para peladang Eropah. Dalam hal ini tanah-tanah kecil bolehlah dicantumkan atau Kerajaan boleh membuka tanah-tanah pertanian secara yang lebih meluas untuk diberikan kepada para petani. Tanah-tanah ini bukanlah saya maksudkan untuk tanaman eksport semata-mata seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya tetapi untuk dijadikan ladang-ladang pertanian makanan.

Dalam hal ini tanaman padi, jagung, sayur-sayuran, buah-buahan dan rempah-ratus malah ternakan patutlah digalakkan. Ini akan mencukupkan keperluan dalam negeri dan tidaklah payah kita import daripada Siam, China, Taiwan dan lain-lain. Ianya juga akan menyelamatkan pertukaran wang asing memberi peluang pekerjaan yang lebih bersungguh dan meluas yang pentingnya dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar yang rata-rata miskin.

Adalah amat malang dan memalukan sekiranya bumi yang subur, luas dan sesuai dengan berbagai tanaman khatulistiwa ini tidak diguna dan eksploitasikan dengan sebaik mungkin. Apa untungnya apabila kita terus membeli beras dari Siam, bawang, lada, kobis dan pelbagai lagi jenis sayuran dari China, kerbau lembu dari New Zealand atau Australia sedangkan kita sendiri pun melakukannya? Hendaknya amalan ini diberhentikan. Sebaliknya kita haruslah mula berdikari mengorak langkah dan mengambit tekad menjadi pengeksport hasil pertanian makanan yang terkemuka di rantau sebelah sini khususnya dan di dunia amnya. Dalam hal ini saya syorkan agar semua Kerajaan Negeri yang mempunyai tanah pertanian yang berpotensi untuk dibangunkan patutlah bersedia memberi hak milik taraf perintis

kepada golongan yang ingin mengusahakan tanah, golongan yang berminat, supaya import makanan dapat dikurangkan malah kita pula yang menjadi pengeksport makanan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit sahaja lagi. Bila bercakap mengenai tanah maka teringatlah kita tentang tanah simpanan Melayu dalam bandar dan amat strategik letaknya yang tergadai ke tangan orang-orang asing yang menurut Yang Berhormat Dato' Rais Yatim, bekas Menteri Kcmajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, menjelaskan bahawa tidak kurang daripada 28,000 ekar tanah-tanah Melayu di Semenanjung yang tersimpan, terlepas dan tergadai ke tangan bukan Melayu sejak berpuluh-puluh tahun lagi. Tanah-tanah perlulah diambil balik dengan segera untuk dimajukan. Ianya amat bernilai dan begitu strategik untuk dijadikan kawasan-kawasan perdagangan, perindustrian serta perkembangan sosio-ekonomi orang Melayu. Kerajaan sewajarnya mengambil balik tanah tersebut terutamanya dalam usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat mencerminkan sosio budaya tempat tinggal dan mencapai integrasi kaum di Malaysia. Satu modus operandi dan pendaftaran semula tentang jumlah tanah Melayu di Semenanjung yang tersimpan, terlepas dan tergadai terutama kepada orang Cina perlulah dibuat dan disegerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.25 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar am Belanjawan di peringkat Jawatankuasa dan seterusnya memberi teguran, pandangan dan syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah pun dijawab semasa Soal Jawab Mulut beberapa hari yang lalu dan sungguhpun demikian, saya mengambil kesempatan untuk menyatakan dengan ikhlasnya bahawa segala pandangan, teguran-teguran dan syor-syor yang membina itu akan diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kepong serta banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada parti DAP dan juga daripada pihak Kerajaan, telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai polarisasi kaum dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga. Menyentuh mengenai soal potarisasi kaum yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sebenarnya perkara ini memang dipandang berat oleh Kerajaan dan pandangan yang sama juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, khususnya mengenai hubungan antara MCA Selangor dan pada masa ini usaha sedang dilakukan untuk meredakan tegangan kemasyarakatan yang berbangkit dari keadaan ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya soal gaduh di dalam parti Barisan Nasional sepertimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP

semata-mata diperbesarkan daripada satu masa kepada satu masa.

Saya suka menyatakan bahawa perkara "bergaduh" ini sebenarnya merupakan satu soal percanggahan pendapat dan kita tahu daripada satu masa kepada satu masa, sebagai satu parti yang menggabungkan golongan yang terbesar di dalam negara kita ini, sudah tentulah percanggahan pendapat akan berlaku dari satu masa ke satu masa. Malahan dalam soal ini ada terdapat pepatah Melayu mengenainya yang berbunyi, "sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri". Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, soal yang dibangkitkan di sini di dalam pepatah Melayu ini di mana disebutkan kalau suami isteri itu kadangkala bergaduh juga, bermakna yang rapat itupun boleh bergaduh daripada satu masa kepada satu masa.

Di dalam parti Barisan Nasional kita memang mengakui bahawa kadangkala terdapat perbezaan pendapat di antara parti-parti komponen. Dalam semangat Barisan Nasional kita senantiasa dapat mengatasi perbezaan ini demi kepentingan rakyat jelata kerana Kerajaan Barisan Nasional memberi keutamaan terhadap kemakmuran dan kepentingan masyarakat tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, perbezaan-perbezaan pendapat yang timbul itu, saya percaya, akan bertambah buruk lagi apabila orang lain campur tangan dalam masalah yang dihadapi oleh Barisan Nasional. Mereka campur tangan bukan dengan tujuan untuk membantu menyelesaikannya, tetapi mereka menjadi batu api dan cuma mahu menimbulkan perpecahan di antara parti-parti komponen Barisan Nasional dan lantas dengan cara yang demikian di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu. Inilah cara

yang diamanatkan oleh parti-parti Pembangkang untuk melemahkan Barisan Nasional di kaca mata orang ramai. Parti-parti Pembangkang telah menggunakan bermacam-macam helah untuk menjatuhkan Barisan Nasional dalam tiap-tiap pilihanraya tetapi gagal kerana tuduhan-tuduhan yang mereka lemparkan terhadap Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak diterima sama sekali oleh rakyat jelata.

Sebenarnya soal perpaduan kaum adalah tanggungjawab semua pihak. Ini telah berkali-kali disebutkan dan tidak boleh dikatakan sebagai tanggungjawab Kerajaan sahaja. Dalam negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti di Malaysia ini, perpaduan sering menjadi masalah yang boleh menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara. Tiap-tiap warganegara yang cintakan negara ini mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting untuk memelihara kemakmuran negara yang akan hanya dapat tercapai melalui perdamaian dan perpaduan.

Tuan Pengerusi, janganlah ada golongan yang cuma melemparkan tuduhan sahaja dan enggan melihat pada diri sendiri iaitu apa sumbangan yang mereka perlu berikan ke arah mencapai matlamat perpaduan kaum. Golongan-golongan ini kadangkala menyalahkan Kerajaan apabila nyata tidak dapat tercapainya perpaduan kaum. Golongan-golongan ini sebenarnya tidak boleh berpeluk tubuh dan menuduh Kerajaan bagi kegagalan untuk menyatupadukan rakyat. Pada pendapat saya golongan ini termasuk juga parti-parti Pembangkang, hendaknya janganlah berpeluk tubuh dan membuat "arm-chair criticism", dengan izin, apabila tiada kesan dicapai dalam usaha memupuk perpaduan.

Tuan Pengerusi, saya menggesa semua pihak terutama sekali parti

Pembangkang supaya melihat diri mereka sendiri. Mereka harus melihat dari segi perwakilan mereka ataupun komposisi mereka di Dewan Rakyat, perjuangan parti mereka dan kawasan yang mereka wakili. Bolehkah kita mengatakan DAP mewakili semua kaum apabila kita melihat perwakilan mereka di Dewan Rakyat? Perjuangan DAP pula merupakan perkauman dan sering mengapi-apikan polarisasi kaum. DAP cuma mampu memancing undi dah kawasan-kawasan bandar di mana kemajuan infrastruktur telah sedia ada dan pengundi-pengundinya pula ramai terdiri dari kaum bukan Melayu. Mampukah DAP menenangi pilihanraya di kawasan-kawasan luar bandar yang dahagakan kemajuan? Bukankah ini matlamat perpaduan, iaitu melalui penyusunan semula struktur masyarakat dapat kita sesuaikan dengan menghapuskan kemiskinan.

Tuan Pengerusi, konsep parti Barisan Nasional adalah toleransi di antara kaum dan bukan menaruh syak wasangka di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Parti Barisan Nasional yang mengahdungi parti-parti komponen yang mewakili semua kaum senantiasa mencari jalan, berusaha, berkompromi di antara parti komponen demi memelihara kepentingan rakyat jelata tanpa mengira kaum.

Tuan Pengerusi, parti-parti komponen Barisan Nasional senantiasa rela berkorban untuk menjaga perpaduan dan perdamaian. Kekukuhan Kerajaan Bahsan Nasional sebenarnya tidak boleh dibina atas asas syak wasangka dan curiga mencurigai di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Tuan Pengerusi, saya hairan kerana di dalam sesuatu amalan demokrasi, sesuatu pihak pembangkang kepada Kerajaan yang ada itu adalah diterima

sebagai "alternative", dengan izin, iaitu ianya mampu untuk menubuhkan Kerajaan serta melaksanakan dasar-dasar yang boleh mendatangkan faedah serta manfaat kepada rakyat jelata. Apabila kita melihat kepada Pembangkang yang ada, saya rasa sedih kerana pada pendapat saya kalaulah mereka ini berkuasa, bukan perpaduan yang dapat dipertingkatkan, tetapi perpecahan kaum pula akan berleluasa nanti. Inilah masalah negara kita kerana pihak Pembangkang kita terlalu lemah, terlalu sempit dari segi pencapaian mereka dan lebih mudah terperangkap dengan politik perkauman. Parti Pembangkang tidak mempunyai dasar-dasar yang kukuh yang mampu menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Cuma yang mampu dijalankan oleh parti Pembangkang adalah menyemarakkan perasaan takut atau dengan izin, "the politics of fear". Jika kita cakup mengenai krisis keyakinan atau, dengan izin, "crisis of confidence" yang selalu dibangkitkan oleh parti Pembangkang, maka tepatlah ianya ditujukan juga kepada parti Pembangkang kerana ia hanya dapat mewakili pengundi-pengundi di 24 kawasan Parlimen sahaja daripada sejumlah 177 kawasan Parlimen yang ada di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ingin saya memaklumkan juga bahawa penyusunan semula organisasi Rukun Tetangga itu adalah hasil dari percantuman Urusetia Rukun Tetangga dengan Lembaga Perpaduan Negara dan dinamakan Jabatan Perpaduan Negara sejak tahun 1983. Di dalam proses penyusunan semula ini telah dibuat beberapa pengubahsuaian yang tertentu. Perkara penting dalam pengubahsuaian ini ialah beberapa penekanan kepada pemupukan semangat kejiranan seperti yang telah

dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada masa lalu. Jadi sekarang penumpuannya ialah kepada pemupukan semangat kejiranan tetapi mengikut sektor-sektor Rukun Tetangga yang ditubuh di bawah Undang-undang Rukun Tetangga sahaja. Di masa kini tidaklah diadakan rondaan wajib yang dahulu perlu dibuat oleh pemastautin-pemastautin berkenaan. Dengan percantuman Urusetia Rukun Tetangga dengan Lembaga Perpaduan Negara itu, ia bukan sahaja dapat menyelamatkan wang negara bahkan memberi beberapa alat yang efektif dalam perhubungan masyarakat ke arah mengenali antara satu sama lain dari berbagai keturunan melalui aktiviti-aktiviti penggalakan yang diuruskan dalam sektor-sektor Rukun Tetangga dengan bantuan daripada pejabat-pejabat di peringkat negeri dan daerah.

Tuan Pengerusi, usaha memupuk semangat kejiranan ini sedang dilaksanakan dengan memuaskan dan Kerajaan berpendapat ianya tidaklah membazirkan wang negara dan tidak timbul soal penutupan Rukun Tetangga itu seperti kata saya di atas iaitu Urusetia Rukun Tetangga telah diserapkan ke dalam Jabatan Perpaduan Negara.

Menyentuh soal yang ditimbulkan berkaitan dengan pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Yang Berhormat dari Arau, sukalah saya memaklumkan bahawa Suruhanjaya pada masa ini sedang mengkaji dengan aktifnya suatu sistem pendaftaran pemilih yang baru dan sistem itu sekiranya didapati sesuai untuk dipraktikkan dengan baik, mungkin akan dapat dijalankan tidak lama lagi. Saya tidak dapat memberitahu lebih lanjut mengenai sistem yang akan digunakan itu, tetapi

saya percaya di dalam merangka sistem yang baru ini Suruhanjaya telah mengambil kira semua masalah yang mungkin timbul dalam urusan pendaftaran pemilih.

Satu perkara yang saya dapat beri jaminan ialah bahawa sistem baru yang akan diwujudkan itu sudah tentu akan memudahkan proses pendaftaran pemilih keseluruhannya dan hasil ialah penyediaan daftar-daftar pemilih yang kemas dan penyemakan daftar-daftar secara licin dan teratur, di samping ianya mudah digunakan bagi semua pengundi sepanjang masa. Adalah diharapkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang membangkitkan soal ini akan dapat bersabar sedikit masa untuk membolehkan Suruhanjaya menghabiskan segala kajian yang sedang dijalankan pada masa ini.

Berhubung dengan soal berkaitan dengan penggantian nama-nama pemilih, perkara ini telah dan sedang diberi perhatian secara terperinci oleh Suruhanjaya, bahkan pada masa sekarang ini pihak Suruhanjaya sedang menggunakan berbagai cara yang boleh untuk menentukan tidak berlaku penggantian nama di dalam daftar pemilih yang disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan kajian tentang masalah sosio ekonomi yang wujud akibat kemelesetan ekonomi, terutamanya mengenai pemberhentian pekerja-pekerja dan mencadangkan satu strategi dirumuskan, iaitu dengan secara Kerajaan Negeri memberi tanah kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan itu untuk tujuan pertanian dan juga pihak berkuasa tempatan memberi lebih banyak tempat untuk mereka menjaja. Dalam hal ini Kerajaan dari masa ke masa menjalankan kajian mengenai masalah-masalah sosio ekonomi yang timbul akibat daripada kemelesetan

ekonomi. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan juga diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, persoalan mengenai Syarikat Asian Rare Earth yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 11-11-86 adalah juga sama soalnya yang telah dibangkitkan pada 4-11-86 lalu dan ianya telah pun saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 10-11-86 yang lalu semasa saya menggulung perbincangan Belanjawan pada peringkat Dasar-dasar Am dan saya percaya perkara ini berbangkit semula kerana ada perkara-perkara yang masih lagi belum memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu.

Saya suka tegaskan sekali lagi bahawa Syarikat Asian Rare Earth tersebut telah diarah oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom supaya memberhentikan aktiviti memproses monoxide yang menghasilkan bahan sampingan thorium hydroxide, iaitu mulai November, 1985 yang lalu. Ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan mementingkan keselamatan penduduk-penduduk kawasan Bukit Merah, meskipun aktiviti syarikat tersebut mempunyai tahap risiko sinaran yang rendah. Meskipun Syarikat Asian Rare Earth tersebut telah memberhentikan aktiviti kendaliannya, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dengan bantuan kepakaran dari Unit Tenaga Nuklear telah melakukan beberapa pengawasan sinaran (radiation monitoring) di persekitaran kilang tersebut pada akhir tahun 1985 dan juga dalam tahun 1986 ini didapati paras sinaran di sekitar kilang tersebut adalah sama dengan paras sinaran latarbelakang (natural radiation background) di beberapa tempat yang berjauhan dari kilang tersebut. Ini menunjukkan tidak ada pencemaran ke atas alam sekeliling kilang Asian

Rare Earth telah berlaku. Di samping itu juga, Syarikat Asian Rare Earth tersebut telah membina stor sementara atas arahan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom untuk menempatkan dengan selamat bahan-bahan radio aktif thorium hydroxide. Walaupun permohonan lesen dari Syarikat Asian Rare Earth telah diterima, tetapi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom belum lagi mengeluarkan lesen kerana terdapat beberapa syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Atom belum diikuti sepenuhnya. Antara syarat utama ialah:

- (1) melaksanakan pengawasan alam sekitar sebelum operasi di sekitar kitang tapak penstoran tetap bahan thorium hydroxide tersebut. Data-data mengenai tahap sinaran yang dikumpul dan pengawasan ini akan digunakan sebagai data perbandingan dengan data-data yang akan dikumpul setelah beroperasi kelak untuk menentukan sama ada pencemaran telah berlaku ataupun tidak;
- (2) menyediakan rekabentuk tempat penstoran tetap yang selamat yang memastikan tidak akan berlaku kebocoran bahan radio aktif ke atam sekitar;
- (3) penyediaan prosedur-prosedur keselamatan selaras dengan piawai-piawai yang disarankan oleh Badan Tenaga Atom Antarabangsa (The International Commission On Radiological Protection), dengan izin. Prosedur-prosedur ini adalah perlu untuk menjamin keselamatan pekerja-pekerja awam dan alam sekitar.

Sekiranya syarat-syarat di atas dipatuhi, aktiviti memproses monoxide yang menghasilkan bahan

sampingan thorium hydroxide itu akan tidak mendatangkan apa-apa mudharat kepada pekerja, orang awam, mahupun alam sekitar. Jika pun Syarikat Asian Rare Earth tersebut diberi lesen kelak, ianya akan diwajibkan meneruskan post environmental monitoring, dengan izin, untuk mengumpul data-data sinaran di sekitar kilang serta tempat penstoran tetap setiap bulan. Pembinaan tempat menstor bahan thorium hydroxide kelak akan disyaratkan supaya diawasi oleh jurutera semasa pembinaannya.

Syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom di atas juga telah mengambil pandangan-pandangan oleh pakar-pakar dalam bidang keselamatan sinaran dan pengurusan sisa radio aktif yang telah didatangkan khas oleh Kerajaan Mataysia pada akhir tahun 1984 yang lalu. Pakar-pakar ini adalah dari National Radiological Protection Board, England dan Badan Tenaga Atom Antarabangsa, iaitu institusi yang terkenal di seluruh dunia sebagai institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang perlindungan sinaran dan pengurusan sisa radio aktif.

Berkaitan dengan laporan mengenai sekumpulan pekerja Asian Rare Earth mengorek pasir di belakang kawasan Asian Rare Earth, Lembaga Petesenan Tenaga Atom sedang menyiasat perkara ini. Sekalipun kerja-kerja mengorek ini dijalankan, kita tidak perlu bimbang akan keselamatan pekerja serta penduduk disekitar kerana bahan radio aktif yang dihasilkan oleh Asian Rare Earth ini adalah bahan radio aktif semula jadi yang mempunyai tahap risiko yang rendah.

Sebagai bukti tahap sinaran di permukaan tong yang mengandungi bahan thoria itu ialah di antara 15 miliram satu jam hingga 20 miliram sejam. Ini bermakna seseorang

pekerja boleh memegang tong itu berterusan selama 250 hingga 340 jam untuk mendapat sinaran yang melebihi had dos tahunan untuk pekerja, iaitu 15 ram.

Berkaitan dengan Professor Sadao Ichikawa yang diundang oleh Bukit Merah Action Committee, ingin ditegaskan bahawa beliau bukan seorang pakar di dalam bidang keselamatan sinaran ataupun pengurusan sisa radio aktif, tetapi hanyalah seorang professor dalam bidang plant genetics di Universiti Saitama yang terkenal sebagai anti-nuclear activist.

Beliau pernah terlibat secara aktif di dalam kegiatan menentang pembinaan loji-loji nuklear di beberapa negara yang menyebabkan beliau diharamkan memasuki Amerika Syarikat dan Kanada. Beliau juga telah mengalami kekalahan di dalam mahkamah dalam kes menentang pembinaan loji nuklear di Tokai, Jepun kerana data-data yang dikemukakan tidak dapat memberi alasan yang kukuh. Semasa bertugas di Universiti Kyoto, Professor Ichikawa juga telah terlibat secara aktif sebagai ketua kumpulan "Zengkyoto" iaitu satu kumpulan sayap kiri yang radikal yang terlibat di dalam nationwide struggle di universiti-universiti dan kolej-kolej daripada tahun 1968 hingga tahun 1969.

Berkaitan dengan laporan Professor Ichikawa berikutan dengan pengukuran tahap sinaran di sekitar Asian Rare Earth yang dibuat pada akhir tahun 1984, ingin saya tegaskan bahawa data-data yang diperolehi boleh dipertikaikan ketepatannya, memandangkan bahawa alat pengesan Mudalih yang digunakan oleh beliau tidak ditentukan mengikut kaedah piawai. Beliau juga telah menggunakan cara TLD yang didedahkan hanya selama 3 hari yang mana jangka masa ini tidak

mencukupi sama sekali untuk mendapatkan data yang tepat.

Di dalam membentangkan data-data pengukuran, Professor Ichikawa juga tidak mengambil kira paras sinaran latar belakang iaitu sinaran dari punca-punca semula jadi yang sentiasa menyinari kita dan tidak boleh dielakkan. Had-had dose yang disarankan oleh International Commission on Radiological Protection yang diterima oleh hampir semua negara di dunia ini adalah merupakan had dose sinaran yang tidak termasuk dose daripada sinaran latar belakang dan sinaran daripada dedahan perubatan.

Komen-komen Professor Ichikawa yang berkaitan kes-kes kanser dan dedahan sinaran tidak "tepat kerana penyakit ini boleh juga disebabkan oleh punca-punca lain. Sungguhpun demikian, Tuan Pengerusi, saya suka memberi jamman bahawa keadaan ini akan sentiasa diperhatikan oleh pihak PUSPATI daripada suatu masa kepada suatu masa untuk menentukan bahawa keselamatan penduduk-penduduk di kawasan persekitaran adalah sentiasa terjamin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pendang telah mencadangkan supaya Kerajaan melalui Jabatan Audit memperbaiki sistem pengauditan supaya pihak pengurusan badan-badan berkanun dapat memperkukuhkan kawalan ke atas aspek-aspek kewangan dan wang Kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kawasan Pendang juga telah menyentuh soal berkaitan dengan kelewatan pembentangan Penyata Kira-kira, misalnya Universiti Teknologi Malaysia bagi tahun 1976 hingga tahun 1981. Pihak Jabatan Audit Negara pada masa yang lalu telah menimbulkan perkara-perkara berkaitan dengan kelemahan kawalan

dalam dengan pihak pengurusan badan-badan berkanun dan untuk masa yang akan datang pihak Jabatan Audit Negara akan menimbulkan kelemahan-kelemahan ini jika diperhatikan semasa menjalankan auditan.

Bersabit dengan kelewatan membentangkan Penyata Kira-kira tahun 1976 hingga tahun 1981 yang dibentangkan dalam Parlimen baru-baru ini ia hanya adalah di luar bidang kuasa Jabatan Audit Negara.

Adatah difahamkan dari pihak Kementerian Pelajaran bahawa Kertas Kabinet telah pun disediakan dan dihantarkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk Penyata Kira-kira bagi tahun 1982 hingga tahun 1984.

Persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kepong yang mendakwa bahawa taraf Badan Pencegah Rasuah kini adalah sangat rendah sehingga slogan Bersih, Cekap dan Amanah tidak tercapai dan dengan demikian korupsi bermaharajalela di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong seterusnya mendesak agar Kerajaan meningkatkan kedudukan BPR sekurang-kurangnya sama taraf dengan Peguam Negara. Beliau juga menganggap rasuah merupakan penyakit nasional yang serius yang boleh menyebabkan keruntuhan negara. Justeru itu kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut menyarankan agar pihak BPR dijadikan satu badan bebas dan hanya bertanggungjawab terus kepada Parlimen sahaja.

Sementara itu Ahli Yang Berhormat bagi Kepong pula menyatakan bahawa bilangan siasatan dan tangkapan kes-kes rasuah khususnya ke atas pegawai-pegawai Kerajaan kian bertambah. Beliau selanjutnya ingin mengetahui

apakah tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan di mana kes-kes yang dibicarakan itu ditolak oleh mahkamah.

Dakwaan yang dibuat oleh Ahli Berhormat dari Tanjong dan Kepong bahawa kedudukan atau taraf BPR adalah rendah hingga korupsi bermaharajalela di seluruh negara adalah tidak benar sama sekali. Rasuah adalah satu penyakit sosial yang mengancam negara sekiranya langkah-langkah yang serius tidak diambil.

Saya yakin dan penuh percaya bahawa BPR sememangnya sentiasa mengambil langkah-langkah yang serius untuk membanteras rasuah dan lain-lain penyelewengan supaya rasuah tidak langsung menjadi ancaman kepada kestabilan masyarakat dan negara. Untuk itu BPR juga metipatgandakan usaha pencegahan serta mengambil tindakan yang tegas dan berterusan tanpa mengira kedudukan taraf atau keturunan seseorang itu. Tindakan-tindakan tegas oleh BPR dalam menyiasat, menangkap dan seterusnya mendakwa orang-orang yang melakukan rasuah dapat memberi kesan positif kepada rakyat yang mana kini didapati amalan rasuah di dalam negara kita ini berada di dalam keadaan yang terkawal.

Bagi membuktikan kekesan serta prestasi BPR dalam membanteras rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, sukalah saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam 5 tahun kebelakangan, iaitu dari tahun 1981 hingga November, 1986 badan ini telah menerima sejumlah 46,865 maklumat dan aduan. Dari jumlah ini 3,097 aduan telah dijalankan siasatan terbuka, manakala itu sejumlah 1,506 orang yang terlibat dalam berbagai kesalahan rasuah telah ditangkap

dalam jangka masa yang sama. Daripada jumlah yang ditangkap itu seramai 973 orang adalah kakitangan Kerajaan, 523 orang awam dan sejumlah 10 orang ahli-ahli politik. Pecahan mengikut kakitangan Kerajaan yang telah ditangkap itu bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan Orang</i>
A	126
B	94
C	386
D	367
	<hr/>
JUMLAH . .	973
	<hr/>

Selain daripada itu, tidak semua siasatan semestinya berakhir dengan pendakwaan di mahkamah. Ada kes-kes tertentu yang mana badan ini menyediakan laporan-laporan tatatertib di mana ianya juga berkesudahan dengan pegawai-pegawai awam diambil tindakan tatatertib.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat berkenaan, sejumlah 677 laporan tatatertib telah disediakan oleh BPR ke atas pegawai-pegawai Kerajaan dari tempoh 1981 hingga Oktober, 1986.

Saya juga suka menyatakan bahawa negara kita yang sedang mengalami proses pembangunan dan pemodenan yang begitu pesat dan dengan demikian faktor ini adalah di antara faktor-faktor yang menjadikan peluang-peluang untuk melakukan rasuah lebih luas dan terbuka. Tetapi ini tidaklah bermakna korupsi itu bermaharajalela seperti dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Berhubung dengan saranan dari Ahli Yang Berhormat supaya BPR tidak diletakkan di bawah mana-mana

Jabatan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen, serta menjalankan siasatan tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Peguam Negara, ingin saya tegaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa BPR adalah satu Badan yang diberikan kebebasan sepenuhnya untuk menyiasat semua kes-kes rasuah di bawah undang-undang yang telah diperuntukkan itu.

Menyentuh tentang tindakan yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan di mana kes-kes mereka yang dibicarakan ditolak oleh Mahkamah, suka saya nyatakan di sini sekiranya sesuatu kes rasuah telah dibicarakan di Mahkamah dan keputusannya dilepas dan dibebaskan di mana BPR tidak perlu lagi mengambil apa-apa tindakan susulan sejajar dengan prinsip keadilan yang diamalkan kerana pegawai berkenaan telah didapati tidak bersalah oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, kes-kes yang ditolak oleh Mahkamah disebabkan oleh faktor fakta kes didapati tidak mengandungi unsur-unsur jenayah di bawah undang-undang yang berkaitan, tetapi sebaliknya mengandungi percanggahan dan pelanggaran tatakelakuan oleh pegawai berkenaan, maka Laporan Tatatertib akan disediakan oleh BPR dengan memperakukan supaya pegawai tersebut dikenakan tindakan tatatertib. Langkah seumpama ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan akan senantiasa bertindak tegas untuk mengatasi masalah yang berbangkit dalam usahanya untuk mewujudkan satu perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah adalah bebas dan diberi kuasa yang sepenuhnya untuk menjalankan tugasnya. Kalaulah ini benar, kenapa sampai sekarang

sungguhpun siasatan Badan Pencegah Rasuah sudah habis mengenai laporan yang ada dibuat mengenai rasuah dalam kes BMF Scandal mengenai pinjaman \$40 juta di mana ada laporan dibuat mengenai korupsi dan Badan Pencegah Rasuah sudah pun mengatakan bahawa siasatan sudah habis tetapi sampai sekarang tiada apa-apa tindakan yang berikut?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, apa yang saya tegaskan tadi ialah bahawa Badan Pencegah Rasuah bebas untuk menyiasat di atas segala kes-kes ataupun aduan-aduan yang diterima oleh Badan tersebut, tidak ada sekatan langsung dalam menyiasat kes-kes tersebut. Tetapi sebelum sesuatu tindakan itu dikemukakan untuk diambil tindakan undang-undang, saya percaya segala aspek dari segi tindakan undang-undang itu mesti dikaji dengan lebih lanjut supaya tindakan undang-undang itu benar-benar akan berkesan dan akan menepati matlamat tindakan awal yang kita ambil itu. Tidak ada gunanya kita menjalankan satu kajian tetapi pada akhirnya apabila dirujuk untuk mendapatkan penyelesaian dari segi undang-undang, didapati ada banyak masalah-masalah yang lain sehingga kes itu ditolak oleh Mahkamah dan ternyata sekali bahawa kita tidak akan dapat bertindak dengan berkesan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Bintang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Biro Pengaduan Awam iaitu, satu, bagaimana Biro Pengaduan Awam ini perlu diberi kuasa yang lebih luas bagi membolehkannya menyiasat dan bertindak bagi menyelesaikan pengaduan yang diterima. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan cawangan Biro Pengaduan Awam di setiap negeri dan dua orang pegawai Biro Pengaduan Awam perlu

membuat lawatan ke semua pejabat-pejabat Wakil Rakyat untuk membantu dalam masalah aduan-aduan daripada rakyat.

Sukacita saya menegaskan bahawa pihak Kerajaan akan senantiasa menumpukan usaha untuk mempertingkatkan lagi kekesan Biro Pengaduan Awam sambil memberi segala kemudahan untuk memudahkan lagi kerja-kerjanya. Usaha-usaha ini adalah satu strategi Kerajaan untuk memastikan kecekapan jentera perkhidmatan awam diberi perhatian setiap masa.

Buat masa ini peruntukan yang dipohon itu adolah dirasai mencukupi. Kebetulanannya, pegawai-pegawai Biro Pengaduan Awam melakukan lawatan ke peringkat-peringkat negeri dari semasa ke semasa untuk menjalankan tugas-tugas dan pada ketika itu mengambil peluang juga menemui serta membincangkan dengan pihak-pihak pengadu atas masalah-masalah mereka. Walaupun adanya peluang-peluang pertemuan antara pengadu dan Biro, namun cadangan Ahli Yang Berhormat supaya cawangan-cawangan Biro Pengaduan Awam itu ditubuhkan di peringkat negeri adalah di dalam kajian pihak Kerajaan.

Yang Berhormat juga telah mengesyorkan supaya perhubungan antara Biro Pengaduan Awam dengan Wakil-wakil Rakyat dipereratkan. Saya suka menyatakan bahawa ini merupakan satu cadangan yang baik dan akan diterima baik pula oleh Biro ini untuk senantiasa bekerjasama dengan rapat oleh pihak-pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga meminta Kerajaan untuk menyediakan tempat dan kawasan untuk membolehkan lebih ramai penjaja untuk berniaga. Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya syarat pemberian lesen untuk

penjaja seharusnya dilonggarkan untuk memudahkan penjaja berniaga. Dalam hal ini Kerajaan telah dan akan menyediakan beberapa tempat dan kawasan untuk membolehkan lebih ramai penjaja untuk berniaga melalui agensi-agensi seperti Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Daerah, Penguasa-penguasa Tempatan dan Dewan Bandaraya. Agensi-agensi berkenaan sedang berusaha untuk mengenalpasti tapak dan kawasan yang strategik dan sesuai terutama di bandar untuk dibangunkan sebagai pusat penjaja. Di sekitar Kuala Lumpur sahaja, Dewan Bandaraya telah mensyaratkan pemaju bangunan tinggi supaya menyediakan ruang niaga untuk penjaja. Setakat ini 90 bangunan telah dikenakan syarat berkenaan.

Menyentuh mengenai cadangan untuk melonggarkan syarat pemberian lesen, perkara ini merupakan satu dari perakuan-perakuan di dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara. Perakuan ini sudah disampaikan kepada agensi-agensi dan sedang dilaksanakan. Pada tahun 1986 ini, pengeluaran lesen kepada penjaja adalah lebih mudah dan segera dan lesen juga dikeluarkan kepada penjaja yang berniaga tanpa lesen sebelum ini. Langkah telah diambil oleh semua Penguasa Tempatan yang bertanggungjawab di dalam pengeluaran lesen penjaja di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat dari Pendang mengemukakan pandangan bahawa pinjaman \$2,000 untuk peniaga kecil tanpa cagaran seharusnya dinaikkan kepada \$5,000 kerana dengan \$2,000 sukar untuk seorang peniaga memulakan perniagaannya. Beliau juga mencadangkan supaya konsep peniaga kecil diubah di mana gerai sekarang yang berukuran 10' x 8' sudah tidak sesuai. Ruang niaga yang lebih luas perlu disediakan di mana

anak isteri peniaga boleh tinggal di dalam gerai, katanya. Dengan cara ini anak isteri boleh memahami bentuk dan cara berniaga dan boleh timbul inspirasi dan minat untuk mereka berniaga di masa yang akan datang. Mengenai soal pinjaman \$2,000 tanpa cagaran kepada penjaja dan penjaja kecil ini merupakan satu pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas yang ditadbirkan oleh Syarikat Jaminan Kredit. Pinjaman ini bukanlah sahaja dibuka kepada penjaja baru tetapi penjaja-penjaja yang sedang menjalankan perniagaan juga boleh memohon di bawah Skim ini. Tujuan Skim ini ialah untuk membantu peniaga untuk menggunakan pinjaman ini bagi modal pusingan dan untuk membeli modal tetap. Oleh itu penjaja yang meminjam di bawah Skim ini perlu merancang perniagaannya dengan teliti dan dapat memanfaatkan pinjaman ini dengan sebaik-baiknya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman khas ini merupakan skim tambahan kepada dua Skim Jaminan Kredit iaitu Skim Pinjaman Am dan Skim Pinjaman Khas. Oleh itu sebarang pinjaman yang melebihi \$2,000 bolehlah dipohon di bawah Skim Pinjaman Khas di mana nilai pinjaman maksimum tanpa cagaran ialah \$50,000.

Berhubung dengan keadaan gerai yang disediakan bagi penjaja kecil, Kerajaan sangat mengalu-alukan sebarang cadangan untuk memperbaiki kemudahan yang disediakan untuk peniaga-peniaga kecil di dalam usaha untuk menambahkan bilangan peniaga demikian. Buat masa ini rekabentuk gerai dan saiz sebuah gerai adalah diputuskan berdasarkan beberapa faktor seperti kesesuaian tempat, luas kawasan, peruntukan kewangan yang ada dan kegunaan sesuatu projek itu. Syor memperbesarkan luas gerai juga sedang dikaji. Walau bagaimanapun

cadangan untuk menyediakan gerai yang boleh didiami oleh keluarga penjaja sukar hendak dilaksanakan. Apabila gerai dijadikan tempat tinggal, ianya berubah menjadi rumah kedai dan kos pembinaannya akan meningkat dan pembinaannya memerlukan kawasan-kawasan yang luas.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyentuh tentang usahawan-usahawan yang telah dilatih oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan. Beliau meminta supaya kekesan aktiviti latihan itu dinilai dan berkesan. Berhubung dengan Program Latihan Usahawan yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, adalah dimaklumkan bahawa Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan mengendalikan dua program latihan iaitu Skim Latihan Usahawan Bumiputera di Luar Negeri dan Skim Latihan Galakan Kakitangan Kerajaan Kumpulan C dan D untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam perniagaannya.

Untuk tempoh tahun 1983-1985, seramai 801 orang peserta telah menerima latihan di bawah program yang pertama, sementara 468 orang menyertai program yang kedua. Unit Penyelarasan Perlaksanaan sememangnya mempunyai kaitan kegiatan untuk mengesan kemajuan yang telah dicapai oleh peserta-peserta setelah menjalani latihan. Selain daripada penilaian yang dibuat oleh UPP sendiri, persediaan sedang dibuat bagi satu kajian yang lengkap dijalankan oleh sebuah institusi pengajian tinggi tempatan untuk mendapatkan satu penilaian yang objektif terhadap keberkesanan program latihan yang disediakan.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh tentang peruntukan bagi kempen menambahkan bilangan

pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional di mana bagi tahun 1987 dibandingkan dengan tahun 1986 jumlah pelabur-pelabur dijangka akan meningkat. Beliau kurang pasti bagaimana unjuran tambahan pelabur-pelabur ini telah dibuat dan mungkin dicapai memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang. Sebahagian daripada pendapatan kakitangan Kerajaan juga berkurangan. Beliau menambah bahawa sebahagian daripada wang yang dimiliki oleh BMF telah diselewengkan pada satu masa dahulu adalah dipunyai oleh Amanah Saham Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran tambahan pelabur bagi skim Amanah Saham Nasional untuk tahun 1987, dibuat pada awal tahun 1986 dan berdasarkan pencapaian yang diperolehi di tahun-tahun yang lampau dan anggapan bahawa keadaan ekonomi dan pendapatan bakal-bakal pelabur sama seperti tahun-tahun tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1984, skim Amanah Saham Nasional berjaya mendapat 224,936 pelabur baru dan pada tahun 1985, 362,092 orang, manakala pada tahun 1986 iaitu sehingga bulan September, terdapat seramai 104,145 pelabur-pelabur baru. Namun demikian, seperti ulasan Yang Berhormat, pengubahsuaian mungkin perlu dibuat atas unjuran ini untuk mengambil kira kemelesetan ekonomi yang berterusan dan penurunan dalam pendapatan kakitangan.

Yang Berhormat dari Padang Terap ingin tahu berapa banyak kedai-kedai jimat yang telah dibuka di kampung-kampung. Berapa banyakkah kutipan balik yang diperolehi dan kekesan latihan pengurusan perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil. Yang Berhormat dari Padang Terap juga mencadangkan supaya pengagihan

peruntukan bagi satu kawasan seharusnya menurut tahap kemiskinan dan Unit Penyelarasn Perlaksanaan perlu melaksanakan projek-projek dan tidak berasaskan kepada pandangan sahaja.

Mengenai kedai jimat, sehingga Oktober, 1986, PERNAS Edar Sdn Bhd telah melantik sebanyak 323 buah kedai jimat sebagai franchisanya di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini 176 buah kedai jimat terletak di kawasan luar bandar manakala 1,147 buah kedai jimat iaitu 45.51% sahaja terletak di kawasan bandar. Oleh kerana program franchise PERNAS Edar ini masih lagi di tahap permulaan, pihak PERNAS Edar tidak lagi mengenakan apa-apa lagi kutipan dalam bentuk franchise fees dan royalty kepada kedai-kedai jimat yang menjadi franchisanya. PERNAS Edar akan hanya mengenakan bayaran berkenaan kepada kedai-kedai jimat apabila sistem franchise yang dilaksanakan telah lengkap.

Berkenaan dengan kekesan latihan pengurusan kepada peniaga-peniaga kecil:

- (1) PERNAS Edar telah membuat tunjuk ajar kepada peniaga-peniaga runcit secara menggunakan Buku Simpanan Kira-kira yang mudah dan membolehkan peniaga-peniaga kecil mengetahui kira-kira untung rugi perniagaan mereka;
- (2) PERNAS Edar juga telah memperkenalkan cara membuat display dan layout di kedai-kedai runcit dan ini telah meningkatkan lagi daya persembahan dan daya tarikan kedai-kedai untuk menggalakkan pelanggan-pelanggan membeli-belah, hasilnya menambahkan jumlah jualan dan keuntungan;

(3) PERNAS Edar juga telah dapat membantu peniaga-peniaga menyediakan kertas-kertas untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang lain;

(4) PERNAS Edar juga telah memberi latihan mengenai pengawalan kredit dan stok untuk membolehkan mereka mengawal stok dan kredit dan aliran wang tunai perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Penyelarasn Perlaksanaan diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan pengagihan peruntukan pembangunan iaitu seperti projek kecil dan perniagaan kecil dan peruntukan perbelanjaan mengurus, terutamanya peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua-dua peruntukan diluluskan dan seterusnya diagihkan kepada semua negeri-negeri berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu. Kriteria terhadap kemiskinan sesuatu negeri seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini sememangnya telah menjadi salah satu asas pertimbangan dalam meluluskan sesuatu projek untuk dilaksanakan di sesebuah kawasan. UPP atau Unit Perancang Penyelarasn Perlaksanaan sentiasa mengambil perhatian berat mengenai kemungkinan memasukkan kriteria-kriteria lain dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan projek bagi menentukan ia dapat memberikan faedah dan peluang besar kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Mengenai cadangan supaya UPP melaksanakan projek-projek, ingin saya menyatakan bahawa setiap agensi yang ditubuhkan mempunyai objektif dan matlamat tertentu untuk dicapai. Adalah tidak wajar wujudnya penindihan tugas dan penduaan fungsi di kalangan mereka yang akan

menimbulkan implikasi negatif kepada negara dan kumpulan-kumpulan sasaran di luar bandar sepatutnya mendapat faedah daripada projek yang dilaksanakan. UPP yang peranannya sebagai penyelarasa sahaja terhadap pelaksanaan projek-projek tersebut tentulah tidak wajar melampaui atau menjangkau tugas agensi-agensi pelaksana yang lain seperti Jabatan Kerjaya, Jabatan Bekalan Air, Lembaga Letrik Negara dan lain-lain yang telah diberi kepercayaan penuh dan tanggungjawab khusus untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Berhubung dengan sistem pembangunan luar bandar pula sekarang ini kita sedang melaksanakan satu bentuk pembangunan yang digelar Program Hala Cara Baru, pembangunan kampung dan luar bandar. Program ini ada sedikit-sebanyak kesamaannya dengan program "Saemaul Undong" dan setakat ini masih dilaksanakan pada tahap printis.

Program Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar ini adalah satu program yang agak komprehensif dan meliputi aspek-aspek pertanian berkelompok. Pengwujudan industri kampung di mana sesuai dan mengadakan perkelompokan penduduk di mana perlu bagi memudahkan Kerajaan menyalurkan kemudahan-kemudahan asas. Melalui program ini juga adalah diharapkan pendapatan penduduk-penduduk desa dapat ditingkatkan. Walau bagaimanapun, kejayaan program hala cara baru ini adalah bergantung kepada penyertaan dan penglibatan yang aktif dah rakyat. Ini bertambah penting lagi di dalam keadaan ekonomi sekarang di mana peruntukan Kerajaan adalah terhad.

Tuan Pengerusi, pada hari ini juga ada beberapa soalan yang telah dibangkitkan iaitu berkenaan dengan

soal Biro Tatanegara. Sukalah saya menyatakan bahawa sungguhpun peruntukan telah dikurangkan program-program dan pendekatan-pendekatan yang dilakukan oleh Biro Tatanegara ini akan diubahsuai sesuai dengan matlamatnya untuk meningkatkan kefahaman rakyat jelata terutama sekali terhadap dasar-dasar Kerajaan dan memahami selok-belok berkenaan dengan pentadbiran dan politik negara kita ini untuk melahirkan warganegara yang benar-benar taat setia kepada negara kita ini.

Ada beberapa perkara lagi yang disentuh, Tuan Pengerusi, tetapi saya tidaklah bercadang untuk memberikan lagi jawapan kerana sudah panjang pun jawapan ini dan akhir sekali saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran-teguran, padangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya memohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu telah pun dicatatkan dan akan diberi perhatian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$14,630,000 untuk Maksud B.1; \$691,000 untuk Maksud B.2; \$21,907,700 untuk Maksud B.3; \$9,514,300 untuk Maksud B.4; \$8,068,900 untuk Maksud B.5; \$2,600,000 untuk Maksud B.6; \$316,084,900 untuk Maksud B.7; \$523,729,800 untuk Maksud B.8; \$34,505,800 untuk Maksud B.9; \$10,525,200 untuk Maksud B.10; \$17,154,900 untuk Maksud B.11 dan \$16,527,300 untuk Maksud B.12 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,630,000 untuk Maksud B.1; \$691,000 untuk Maksud B.2; \$21,907,700 untuk Maksud B.3; \$9,514,300 untuk Maksud B.4; \$8,068,900 untuk Maksud B.5; \$2,600,000 untuk Maksud B.6; \$316,084,900 untuk Maksud B.7; \$523,729,800 untuk Maksud B.8; \$34,505,800 untuk Maksud B.9; \$10,525,200 untuk Maksud B.10; \$17,154,900 untuk Maksud B.11 dan \$16,527,300 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian dahpada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$33,941,120 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dan \$244,000 untuk Maksud P.8 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$33,941,120 untuk Maksud P.7 dan \$244,000 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian dahpada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987.

Maksud B.13 (Jadual)-

Maksud P.13 (Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.13 dan P.13 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Gaya.

6.23 ptg.

Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.13, muka surat 49 Butiran 010000—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, perkara yang akan dibangkitkan oleh saya adalah perkara

yang berkaitan dengan negeri Sabah. Untuk permulaan saya ingin menyentuh tentang kurangnya Penterjemah Mahkamah atau Court Interpreters, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak bahasa yang dituturkan oleh rakyat Sabah dan Mahkamah di negeri ini terpaksa mengendalikan berbagai kes-kes yang melibatkan mereka yang bertutur dalam bahasa-bahasa seperti Bahasa Malaysia, bahasa Cina, bahasa Bajau, bahasa Kadazan, bahasa Murut, bahasa Sulu dan lain-lain. Syarat kelayakan yang diperlukan bagi seorang penterjemah mahkamah ianya sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan sama juga dengan bahasa-bahasa lain. Gaji permulaan seorang penterjemah mahkamah seperti apa yang saya menyentuh ialah lebih kurang \$400-\$500 sebulan. Oleh kerana syarat-syarat yang agak ketat ini dan gaji bulanan yang begitu rendah, maka terdapat hanya seorang sahaja penterjemah bahasa Cina untuk seluruh negeri Sabah. Tidak ada seorang pun penterjemah yang berkelayakan bagi bahasa-bahasa lain. Jika ada satu kes yang memerlukan seorang penterjemah bahasa Cina di tempat lain selain dari Tawau beliau terpaksa terbang ke tempat itu atau seorang peguam atau kerani dari syarikat guaman akan diminta untuk menjadi seorang penterjemah.

Oleh kerana saya adalah seorang peguam saya pernah mengalami sendiri perkara ini dan juga pernah mendengar aduan yang kes-kes terpaksa ditangguhkan disebabkan perkara yang sama. Sebagai langkah sementara, saya mendesak Kementerian berkenaan supaya melonggarkan syarat-syarat kelayakan yang diperlukan bagi seorang penterjemah mahkamah dan

menaikkan gaji bulanan mereka selaras dengan kos kediaman yang tinggi di Sabah.

Keseluruhannya Mahkamah-mahkamah di negeri Sabah mempunyai kekurangan kakitangan. Akibat dari Kemerosotan ekonomi di mana terdapat banyaknya kes-kes seperti menuntut hutang atau debt collection, dengan izin, bilangan fail-fail di mahkamah telah bertambah dengan banyaknya akibat dari kekurangan kakitangan pentadbiran, mahkamah telah terjejas. Fail-fail ditempatkan di tempat yang salah dan ini menyebabkan peguam-peguan dan kerani-kerani dari pejabat guaman persendirian terpaksa melakukan pencarian atau search, dengan izin, ke atas fail-fail tersebut. Perkara begini kerap berlaku.

Tuan Pengerusi, Legal Profession Act, dengan izin, telah lama wujud dan akta ini tidak diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Beberapa tahun yang lalu kedua-dua Badan Guaman Sabah dan Badan Guaman Sarawak telah mengadakan perundingan bagi melakukan beberapa pindaan tertentu kepada Akta tersebut sebelum diperluaskan ke Sabah dan Sarawak memandangkan situasi yang berlainan yang dialami oleh peguam-peguam di Sabah dan Sarawak dibandingkan dengan mereka yang serupa di Semenanjung Malaysia. Saya tidak ingin membebankan Jawatankuasa ini dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu. Apa yang ingin saya lakukan ialah mengambil peluang yang berharga ini untuk menyuarakan bagi pihak kedua-dua Badan Guaman Sabah dan Sarawak bahawa sekiranya Legal Profession Act, dengan izin, ini akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak, Akta ini hendaklah dipinda dan diubahsuai seperti pindaan yang dicadangkan oleh kedua-dua Badan Guaman Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.13, muka surat 49, Butiran 020000—Kehakiman. Terdapat juga kekurangan Hakim-hakim, Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan Majistret-majistret di negeri Sabah. Di Sarawak terdapat 4 orang Hakim Mahkamah Tinggi. Di negeri Sabah terdapat hanya dua orang sahaja dan mereka ini ditempatkan di Kota Kinabalu. Mereka akan bergilir-gilir menghadiri perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Tinggi selain dari Kota Kinabalu. Di masa sekarang terdapat hanya lima orang Majistret bagi seluruh negeri Sabah dan bilangan Mahkamah Majistret berjumlah sekurang-kurangnya 10 buah bagi seluruh negeri Sabah. Di Sandakan dan Tawau tidak ada Presiden Mahkamah Sesyen dan bagi kes-kes Mahkamah Sesyen, Presiden Mahkamah Sesyen yang bertempat di Kota Kinabalu terpaksa menghadiri. Akibatnya ialah bertambahnya kes-kes yang menanti untuk diselesaikan.

Di Sabah ada terdapat orang-orang yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan yang tersebut dan saya mendesak Kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan yang segera untuk mengisi kekosongan yang terdapat ini dan perlantikan hendaklah berasaskan berkelayakan dan bukan berasaskan bangsa dan agama. Saya juga mendesak Kementerian berkenaan supaya menaikkan gaji bulanan Majistret-majistret, Hakim-hakim dan Presiden-presiden Mahkamah Sesyen apabila ekonomi negara telah pulih supaya menarik minat lebih ramai peguam menceburi bidang kehakiman dan dengan ini akan dapat mencerminkan ketinggian maruah dan darjah kehakiman seperti di England di mana sistem perundangan kita diasaskan.

Di sini saya ingin memberi penghargaan saya kepada Kementerian ini kerana menubuhkan

Mahkamah Perdagangan dan Perindustrian dan saya meminta Kementerian ini akan menubuhkan juga mahkamah ini di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Gerard Math Lee Min: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh habiskan?

Tuan Gerard Math Lee Min: Saya rasa boleh.

Tuan Pengerusi: Boleh?

Tuan Gerard Math Lee Min: Boleh.

Tuan Pengerusi: Dalam satu minit boleh habis?

Tuan Gerard Math Lee Min: Dua minit.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh melainkan disambung.

Tuan Gerard Math Lee Min: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan kelmarin, kita ada hanya 16 hari sahaja untuk membahaskan kesemua 24 Kementerian dan kita

telah menggunakan dua hari, tinggal 14 hari sahaja.

Dalam perkara ini, saya suka hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa hendak membahaskan dalam Jawatankuasa, kita tidak seharusnya berbahas seolah-olahnya kita dalam principle atau dasar am. Itu tidaklah dikehendaki dalam Jawatankuasa. Oleh sebab kita terpaksa memberi Ahli-ahli banyak berucap dan oleh sebab kita terpaksa mengikut jadual yang telah kita tetapkan, saya memintalah Ahli-ahli Yang Berhormat supaya boleh berucap dalam masa 10 minit supaya kita boleh beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak lagi yang hendak berucap,

Saya berharap pulalah Menteri-menteri supaya jangan menjawab terlampau panjang sangat kerana kalau kita perhatikan dalam Jadual kita ada setengah Kementerian itu tidak dapat sampai setengah hari pun. Dengan itu saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 13hb November, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.